

ملاک هاری این

Edisi 15 Jun 2020 - 21 Jun 2020 | 23 Syawal 1441H - 29 Syawal 1441H | PP 19464/04/2019 (035072) | Diterbitkan sejak 1982 | www.melakahariini.my | Melakahariini

Misi Sulaiman


Ketua Menteri Melaka, Datuk Haji Sulaiman Md Ali menggariskan lima misi besar yang perlu diterjemahkan bagi menjadikan Melaka sebuah negeri lebih berdaya maju dan seimbang dari aspek duniaawi dan ukhrawi.

► BERITA LANJUT DI MUKA 2,3,6 & 7



Foto MHI oleh Rasul Azli Samad

Malaysia succeeds in containing Covid-19, thanks to efforts of all - Muhyiddin



10 pemilik 'Suara Viral' berentap!

MUKA 19



MUSA sedia langkah proaktif selesai kemelut

MUKA 23

Ketua Menteri garis 5 misi

Tekad atasi 12 isu besar

Yusri Sahat
Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH - Ketua Menteri, Datuk Haji Sulaiman Md Ali mengambil langkah pragmatik dengan menggariskan lima misi yang perlu diterjemahkan bagi menjadikan Melaka sebuah negeri lebih berdaya maju dan seimbang dari aspek dunia dan ukhwawi.

Lima misi berkenaan jelas Sulaiman ialah inisiatif pintar dan pemerkasaan data dalam agenda pembangunan negeri, membangunkan dan menyokong ekonomi rakyat tempatan menjadi berdaya maju dan menjadikan Melaka sebagai destinasi pelaburan berkoncepcion ekoindustri, teknologi IR 4.0, perusahaan industri digital dan industri maritim.

Dua lagi misi terbabit ujar beliau ialah menjadikan sektor industri pelancongan berkualiti, bertaraf dunia dan unik selain mewujudkan Melaka sebagai sebuah negeri terbersih, terindah, selamat, selesa dan ekonomi untuk didiami.

"Bagi membolehkan Melaka kekal berdaya saing, pendigitalan perlu disegerakan. Penggunaan aplikasi pintar dan 'data centric analysis'

perlu menjadi panduan dan hala tuju baharu kepada semua tiga agensi dalam merancang program dan menyelesaikan masalah dihadapi di Melaka," katanya.

Beliau berkata demikian dalam wawancara khas bersama Melaka Hari Ini (MHI) di pejabatnya di Seri Negeri di sini.

Dalam wawancara berkenaan, Ketua Pegawai Eksekutif MHI, Datuk Seri Abdul Jalil Hamid bertindak sebagai moderator.

Menurut Sulaiman, Melaka perlu segera menyelesaikan masalah yang selama ini membenggu negeri berkenaan terutama berkaitan masalah kesesakan, bekalan air dan kos hidup.

"Negeri Melaka perlu mengorak langkah ke arah penyelesaian masalah secara tuntas termasuk isu-isu seperti kesesakan jalan raya, kualiti penyelenggaraan, rantai bekalan makanan mencukupi,

isu harga bahan mentah, makanan, barang dan perkhidmatan, masalah bekalan air dan perkhidmatan sokongan kepada masyarakat, kebersihan, keselamatan, masalah banjir, kualiti rangkaian internet dan telekomunikasi dan lain-lain lagi," jelasnya.

Beliau juga menetapkan visinya untuk mempertingkatkan tahap daya saing negeri Melaka bagi menarik lebih banyak pelaburan ke negeri berkenaan.

"Daya saing perlu ditinjau bagi menjadikan Melaka sebagai des-

pilihan bagi perniagaan, pelancongan dan pelaburan utama sekali gus meningkatkan kesejahteraan rakyat yang menetap di negeri ini," tambahnya.



Pelan pasca Covid-19 Perkasa ekonomi Melaka

AYER KEROH - Kerajaan Melaka sedang berusaha mempercepatkan usaha ke arah menyokong pendigitalan bagi memperkasa ekonomi negeri ini pada masa akan datang.

Ketua Menteri, Datuk Haji Sulaiman Md Ali memberitahu, usaha tersebut amat penting untuk merancakkan semula ekonomi negeri yang sebelum ini terjejas akibat penularan pandemik Covid-19 yang melanda dunia.

"Kerajaan negeri sedar bahawa sektor perkhidmatan termasuk pelancongan adalah penyumbang Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri tertinggi

iaitu sebanyak 46.6%. Manakala sektor pembuatan pula menyumbang kedua tertinggi kepada KDNK negeri sebanyak 38.6%. Kedua-dua sektor ekonomi ini banyak mempengaruhi iaitu 85.2% daripada keseluruhan ekonomi negeri Melaka.

"Menyedari kepentingan bagi menyokong sektor-sektor ekonomi kepada rakyat negeri Melaka, kerajaan negeri akan melaksanakan langkah-langkah bagi menyokong sektor-sektor tersebut untuk terus beroperasi dan berkembang termasuklah mempercepatkan usaha ke arah menyokong pendigitalan.

"Selain itu, kerajaan negeri juga

akan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan golongan peniaga serta industri dengan berusaha mewujudkan fasiliti yang berkualiti selain mengambil pendekatan untuk meneliti semula perancangan bagi keseluruhan negeri Melaka yang bertujuan mengimbangi dan merancakkan semula semua sektor ekonomi yang mencakupi keseluruhan negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam wawancara khas bersama Melaka Hari Ini (MHI) di pejabatnya, di Seri Negeri di sini.

Dalam perkembangan berkaitan, Sulaiman berkata, pihaknya juga

sedang meneliti data pengangguran dan pemberhentian pekerja di Melaka dalam usaha membantu rakyat negeri ini yang terjejas sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Kerajaan negeri melalui Jabatan Perangkaan sedang meneliti semua data-data rakyat dan pekerja di negeri ini sama ada berhenti se-

cara sukarela mahupun yang diberhentikan atau mereka yang diberi peluang bekerja tapi mengikut gaji harian.

"Daripada data tersebut, kerajaan negeri akan melihat apakah cara terbaik yang boleh dilakukan untuk membantu golongan-golongan ini meneruskan kelangsungan hidup," katanya.



WAKTU SOLAT 15-21 jun 2020 (23 syawal -29 syawal 1441H)

SUBUH SYURUK ZUHUR ASAR MAGHRIB ISYAK

15 JUN 2020	5:50	7:04	13:14	16:40	19:21	20:36
16 JUN 2020	5:50	7:05	13:14	16:40	19:21	20:37
17 JUN 2020	5:50	7:05	13:15	16:40	19:21	20:37
18 JUN 2020	5:51	7:05	13:15	16:40	19:22	20:37
19 JUN 2020	5:51	7:05	13:15	16:41	19:22	20:37
20 JUN 2020	5:51	7:05	13:15	16:41	19:22	20:37
21 JUN 2020	5:51	7:06	13:15	16:41	19:22	20:38

Nama jalan abadi sumbangan Tun Khalil

AYER KEROH - Ketua Menteri Melaka, Datuk Haji Sulaiman Md Ali mencadangkan agar salah satu jalan utama di negeri ini ditukarkan kepada nama Tun Dr Mohd Khalil Yaakob.

Beliau memberitahu Melaka Hari Ini (MHI),

cadangan berkenaan adalah sebagai menghargai jasa dan sumbangan Mohd Khalil dalam membangunkan Melaka sepanjang menjadi Yang di-Pertua Negeri ke-6 selama 16 tahun.

"Saya bercakap dengan Setiausaha Kerajaan

Negeri, Datuk Seri Hasim Hasan baru-baru ini dan saya terfikir memandangkan Tun Dr Mohd Khalil sudah berkhidmat selama 16 tahun sebagai Yang di-Pertua Negeri, mengapa tidak kita pilih satu jalan dan abadikan nama jalan tersebut dengan nama Tun.

"Kita tak nak jalan-jalan kecil atau lorong, tapi kita nak satu jalan utama diletakkan nama Tun Dr Mohd Khalil Yaakob bagi menghargai jasanya berkhidmat selama 16 tahun di negeri ini."

"Jadi, saya sudah bercakap dengan Datuk Ban-

dar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dan buat masa ini pihak MBMB sedang melihat jalan-jalan yang sesuai untuk diabadikan nama tersebut," katanya ketika ditemui di pejabatnya di

Seri Negeri di sini.

Bagaimanapun, Sulaiman berkata, perkara itu masih di peringkat cadangan dan akan diperhalusi dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) sedikit masa lagi.

Krisis air

Tiga alternatif baharu

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH - Kerajaan negeri sudah menyediakan tiga alternatif baharu bagi mengatasi masalah air di Melaka.

Ketua Menteri, Datuk Haji Sulaiman Md Ali berkata, selain pembinaan Empangan Sungai Jemeh dan projek Off River Storage (ORS) yang sudah diluluskan kerajaan persekutuan, pihaknya kini sedang meneliti satu lagi projek Empangan Pesisir Pantai atau (Coastal Reservoir) di negeri ini.

Katanya, pihak kerajaan negeri buat masa ini sedang mengkaji kemungkinan untuk membangunkan projek berkenaan di pesisir-pesisir pantai negeri ini dengan mengambil kira pelbagai faktor seperti kos pembinaan dan penyelenggaraan serta mengenalpasti kapasiti air dan kualiti yang akan dihasilkan.

"Kita akan meneruskan dua projek yang telah diluluskan di dalam RMK ke-12 iaitu pembinaan Empangan Jemeh dan projek ORS Melaka untuk tindakan perancangan jangka panjang. Bertitik tolak daripada itu, bagi memastikan paras empangan sentiasa berada pada tahap optimum, kerajaan negeri juga akan meneruskan cadangan penyaluran air mentah dari ORS Tasik Biru ke Empangan Jus dan ORS Tasik Biru ke Empangan Durian Tunggal.

"Selain itu, kita sedang mengkaji ke-

mungkinan membangunkan satu projek 'Coastal Reservoir' atau Empangan Pesisir Pantai yang boleh kita bangunkan di kawasan pesisir pantai di Melaka. Kita percaya projek Coastal Reservoir ini amat penting untuk menampung bekalan air di masa akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu wawancara khas bersama Melaka Hari Ini di pejabatnya, di Seri Negeri, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Sulaiman berkata, cadangan mengenai alternatif baharu menambah sumber bekalan air amat penting memandangkan purata penggunaan air di Melaka mencecah 650 juta liter sehari.

Jelasnya, situasi tersebut agak membimbangkan memandangkan penghasilan air di negeri ini hanyalah kira-kira 280 juta liter sehari.

"Melalui air yang dipam masuk dari pada Sungai Gersik, Muar, kalau menggunakan full strength, kita boleh dapat kira-kira 220 juta liter sehari dan daripada pengepamam air di empangan atau sungai Melaka ke bundle storage, kita memperoleh 60 juta liter sehari.

"Selaras dicampurkan kedua-duanya kita memperoleh kira-kira 280 juta sehari, berbeza dengan penggunaan harian di negeri ini yang memerlukan lebih kurang 650 juta liter sehari. Jadi, dari situ kita ada short fall lebih kurang 380 juta

3 Inisiatif atas masalah air Melaka

- Pembinaan Empangan Sungai Jerneh
- Projek ORS - salur air mentah dari ORS Tasik Biru ke Empangan Jus dan ORS Tasik Biru ke Empangan Durian Tunggal.
- Pembinaan Empangan Pesisir Pantai (masih di peringkat kajian)

setiap hari.

"Sebab itulah pentingnya untuk kita perluhan kesemua kolam-kolam tadahan yang kita ada memandangkan air bukan sahaja diperlukan oleh pengguna biasa, tetapi juga untuk semua sektor yang kita ada, termasuklah hotel-hotel dan kawasan industri," ujarnya.

Dalam pada itu, Sulaiman turut berharap pusingan kedua musim kemarau yang dijangka bermula pada Julai hingga September depan tidak akan memberi kesan kepada sumber air di Melaka.



SULAIMAN (topi putih) diberi penerangan ketika membuat tinjauan di Empangan Durian Tunggal baru-baru ini.



Wajah baharu Melaka Hari Ini lebih menarik

AYER KEROH - Ketua Menteri, Datuk Haji Sulaiman Md Ali hari ini memuji wajah baharu akhbar rasmi kerajaan negeri, Melaka Hari Ini (MHI) yang lebih menarik dan ceria.

Katanya, wajah baharu itu menampilkan bentuk muka depan yang kelihatan ringkas, namun padat dan cukup menarik perhatian pembaca.

"Wajah baharu Melaka Hari Ini sangat bagus. Kalau kita sekali lihat, ia nampak simple, tapi sangat menarik.

"Bila pembaca lihat sahaja dia menarik sebab ia tidak terlalu berserabut," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di pejabatnya, di Seri Negeri, di sini.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif MHI, Datuk Seri Abdul Jalil Hamid.

Terdahulu, satu majlis doa selamat diadakan di pejabat MHI di Rumah Media di sini sempena pelancaran akhbar MHI yang kembali diterbitkan bermula 9 Jun.

Akhbar yang diterbitkan secara mingguan ini menemui pembaca setiap Isnin dan diedarkan secara percuma di kawasan terpilih.

Untuk edisi khas yang pertama, MHI menampilkan muka depan Tun Datuk Seri (Dr) Mohd Ali Mohd Rustam yang baharu sahaja dilantik sebagai Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri Melaka ke-7 pada 5 Jun lalu.

Banjir: Bina lebih banyak kawasan takungan di kawasan perumahan

Mohamad Fazrul Abdul Majid

KLEBANG - Kerajaan Negeri berhasrat membina lebih banyak kawasan takungan air di kawasan taman-taman perumahan di Melaka bagi mengatasi masalah banjir.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Daerah, Luar Bandar dan Pengurusan Banjir Negeri, Datuk Seri Utama Ir Idris Haron berkata, beliau bersama-sama pihak ber-

kuasa tempatan (PBT) akan meneliti tanah-tanah lapang di kawasan 'hot-spot' banjir di negeri ini untuk dijadikan kawasan takungan yang diyakini berupaya mengurangkan masalah berkenaan daripada berlaku.

"Bila adanya kawasan takungan di kawasan perumahan, air hujan akan terus disalurkan ke kawasan takungan, sekali gus mampu menahan kawasan tersebut daripada berlaku banjir.

"Selain itu, saya juga akan mengarahkan PBT untuk mengenal pasti 'hot-spot' banjir di Melaka dan melakukan siasatan awal untuk meninjau longkang-longkang besar yang mungkin tidak mampu lagi berfungsi akibat lambakan sampah-sarap atau batu-batu besar. "Perkara ini penting kerana ia pernah berlaku di Taman Kerjasama yang tidak pernah banjir selama 15 tahun tetapi tahun lepas banjir. Bila siasat, didapati longkang di kawasan pe-

rumahan itu tersekat kerana sampah dan batu-batu besar dan apabila semuanya dibersihkan sudah tidak ada masalah banjir lagi di kawasan tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui melakukan tinjauan di sebatang sungai yang tercemar di Pulau Gadong di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Idris memaklumkan bahawa terdapat 264 'hotspot' banjir dikenal pasti di kawasan

Melaka Tengah yang kini berada di bawah pemantauan pihaknya dan PBT terlibat.

Katanya, satu pertemuan khas akan diadakan dengan semua pihak yang terlibat bagi mengintegrasikan penyelesaian masalah banjir dalam usaha mengurangkan kesengsaraan penduduk.

"Integrasi penyelesaian masalah amat penting kerana saya tidak mahu setiap PBT dan agensi

mempunyai penyelesaian sendiri. Saya mahu kalau boleh satu penyelesaian mampu menyelesaikan banyak masalah.

"Ini penting kerana pada akhirnya, penduduk yang akan sengsara akibat banjir yang boleh membawa kepada kerosakan harta benda dan kerugian. Jadi, kita akan berusaha memastikan pengurusan banjir di negeri ini lebih cekap dan berkesan di masa akan datang," ujarnya.



IDRIS (tengah) meninjau keadaan sungai di Pulau Gadong baru-baru ini.

**BANTUAN KHAS
WABAK COVID-19**


MELAKA



PENJAJA DAN PENIAGA KECIL

- 1) Pengecualian Sewa Tapak untuk bulan Mac dan April dengan implikasi kewangan sebanyak **RM1.04 juta**
- 2) Pengecualian Bayaran Lesen Tahunan Bagi Tahun 2020 dengan implikasi kewangan sebanyak **RM0.90 juta**

Kanak-kanak autisme jumpa Norhizam mohon bantuan

Saliawati Salberi

PENGKALAN BATU - "Saya tidak sangka dia begitu berani berjumpa Yang Berhormat (YB) dan menceritakan masalah yang kami hadapi.

"Mana tidaknya terkejut saya dibuatnya apabila tiba-tiba dia balik ke rumah dengan YB," itu kata Faridah Abdullah, 54, menceritakan kisah cucunya, Muhammad Nor Ridzwan Nor Halim, 9.

Muhammad Nor Ridzwan yang juga kanak-kanak autisme baru-baru ini berjumpa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Batu, Datuk Norhizam Hassan Baktee bagi meminta bantuan agar rumah neneknya di Kampung Pasir Puteh, di sini, dibaik pulih.

La susulan keadaan bumbung dan siling kediaman terbabit hampir runtuhan akibat dimakan anai-anai.

Murid Tahun 2 kelas pendidikan khas Sekolah Kebangsaan (SK) Bachang itu dikatakan menumpang motosikal seorang penduduk ke Pejabat Jawatankuasa dan Penyelaras Dewan Undangan Negeri (Japerun) Pengkalan Batu untuk bertemu Norhizam.

Menurut Faridah, keadaan rumah pusaka berusia 40 tahun yang didiami bersama dua cucu itu semakin uzur apabila sebahagian siling sudah runtuhan.

Katanya, disebabkan kos baik pulih

mencecah ribuan ringgit, dia yang juga ibu tunggal tidak mampu untuk berbuat demikian.

"Apa yang saya bimbang adalah keselamatan cucu kerana risau siling itu runtuhan dan menghempap mereka.

"Abang Muhammad Nor Ridzwan yang sedang tidur nyaris terkena runtuhan siling ketika bulan puasa lalu apabila cuaca ketika itu hujan," katanya yang kini bergantung dengan hasil jualan roti canai bagi menyara kehidupan.

Sebelum ini ujarnya, cucunya itu ada menyuarakan hasrat untuk meminta perlongan Norhizam namun menyangka ia hanya gurauan.

Sementara itu, Norhizam berkata, bagi memastikan aduan yang disampaikan kanak-kanak itu benar dan bukan rekaan, dia mengambil keputusan meninjau untuk menyaksikan sendiri keadaan rumah terbabit.

"Keadaan rumah itu amat menyedihkan dan berbahaya.

"Langkah drastik dibuat yang mana tiga kontraktor sudah dipanggil untuk membuat sebut harga dan kerja baik pulih akan dibuat dalam kadar segera," katanya.

Menurutnya, selain baik pulih rumah pihaknya juga akan membantu mendapatkan bantuan bulanan buat keluarga berkenaan serta bantuan persekolahan buat dua cucu wanita itu.



NORHIZAM (kiri) melawat rumah nenek Muhammad Nor selepas kanak-kanak itu mengadukan permasalahannya di Japerun Pengkalan Batu.

Pengayuh beca perlu daftar Melaka eXcess

Liana Sahabudin

BANDA HILIR - Pengayuh beca di negeri ini digalakkan membuat pendaftaran menerusi aplikasi Melaka eXcess bagi menjana pendapatan sampingan.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Warisan & Kebudayaan Negeri, Datuk Muhamad Jailani Khamis berkata, pengayuh beca boleh menawarkan khidmat penghantaran produk promosi Melaka melalui aplikasi itu.

"Aplikasi ini dilancar bagi

membantu menjana pendapatan, jadi tidak salah jika pengayuh beca daftar di dalam aplikasi ini untuk jana semula pendapatan yang terjejas akibat wabak Covid-19.

"Kepada mereka yang hilang pekerjaan atau terjejas pendapatan, boleh juga maklumkan kepada Bahagian Promosi dan Pelancongan (BPP) untuk mereka sediakan peluang pekerjaan.

"Bila ada peluang perniagaan atau pekerjaan pihak BPP akan maklum kepada mereka supaya ambil inisiatif untuk bekerja," kata-

nya selepas menyerahkan kit makanan untuk pengayuh beca di Menara Taming Sari di sini.

Untuk rekod, Melaka eXcess menghimpunkan pemain industri pelancongan negeri dalam pelbagai sektor termasuk agensi pelancongan dan usahawan bagi menawarkan perkhidmatan, produk atau pakej pelancongan mereka.

Pada program itu, seramai 350 pengayuh beca yang berdaftar telah menerima sumbangan barang keperluan harian.



MUHAMAD Jailani (tengah) menyerahkan kit makanan kepada pengayuh beca di Menara Taming Sari, Banda Hilir.

Sedia dasar perancangan pendidikan

AYER KEROH - Warga pendidik perlu meningkatkan daya pemikiran dalam sesi sumbang saran (brain-storming) bagi penyediaan draf Dasar Perancangan Pendidikan Melaka.

Pengerusi Jawatankuasa di Jabatan Ketua Menteri (Pendidikan), Datuk Noor Effandi Ahmad berkata, fokus utama adalah mewujudkan beberapa inisiatif yang tidak bertindih.

"Penyediaan dasar

perancangan pendidikan ini mestilah mempunyai pelan dan sasaran yang telah ditetapkan kementerian atau jabatan tertentu.

"Perkara-perkara subjektif seperti memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat selain mementingkan tanggungjawab sosial juga perlu diambil serius," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mesyuarat bersama pasukan 'Think

Tank' mewakili Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Melaka, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) dan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), di sini.

Ujarnya, pelbagai anjakan kemahiran profesionalisme dilaksanakan dalam kalangan pendidik atau pentadbir sekolah agama swasta dan persendirian.

"Ini termasuklah penawaran kursus-kursus eksekutif 'upgrading' kemahiran, pensijilan tenaga kerja dan kewujudan 'big data' berkenaan pelajar-pelajar Melaka yang menamatkan alam persekolahan.

"Usaha ini untuk membantu dan mengenalpasti haluan seterusnya sekali gus mencapai agenda yang disasarkan," katanya.



NOOR Effandi (kanan) sedang mempengerusikan mesyuarat 'Think Tank'.



Rahmad (kanan) memeriksa persekitaran rumah seorang penduduk di Kampung Pulau.

Melaka catat peningkatan 140 kes

MELAKA - Kes demam dengan di Melaka mencatatkan peningkatan sebanyak 140 kes kepada 1,044 kes pada tahun ini sehingga Minggu Epid (ME) ke-23 iaitu sehingga 6 Jun lalu berbanding 904 kes dalam tempoh sama tahun lepas.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Anti Dadah Negeri Rahmad Mariman berkata daripada jumlah itu, sebanyak 695 kes dilaporkan berlaku di daerah Melaka Tengah, Jasin (188 kes) dan Alor Gajah (161 kes).

Beliau berkata pada ME ke-23 sahaja, sebanyak 33 kes direkodkan di daerah Melaka Tengah, Jasin (21 kes) dan Alor Gajah (14 kes) sekali gus mencatatkan peningkatan pada tahun ini berbanding tempoh sama tahun lepas.

"Sebanyak lima kematian akibat demam dengan dicatatkan

pada tahun ini iaitu satu kes di Melaka Tengah manakala masing-masing dua kes di Alor Gajah dan Jasin. Selain itu, sebanyak enam lokasi panas wabak dengan dikenal pasti iaitu dua di Melaka Tengah, Alor Gajah (satu) dan Jasin (tiga).

"Kita memandang serius peningkatan kes demam dengan di negeri ini dan usaha secara lebih efektif akan dilaksanakan, termasuk program pembersihan, kerana kita melihat banyak tin kosong dibuang merata-rata sehingga ia menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes," katanya kepada pemerita selepas melawat lokasi panas wabak dengan di Kampung Pulau di sini.

Beliau berkata sehingga kini, terdapat 10 lokaliti wabak dilaporkan masih aktif iaitu masing-masing dua kawasan di daerah Alor Gajah dan Jasin manakala selebihnya di Melaka Tengah.

BANTUAN KHAS WABAK COVID-19



PERUNTUKAN KHAS KEPADA PETUGAS FRONTLINER KESIHATAN

- 1) Pemberian sumbangan eluan makan berjumlah RM0.39 juta
- 2) Sumbangan pembelian peralatan atas berjumlah RM0.10 juta

Bahagian 1

Nadi ekonomi negeri

Sebaik sahaja Datuk Haji Sulaiman Md. Ali mengangkat sumpah sebagai Ketua Melaka ke-12 pada 9 Mac lalu, beliau terus mengatur gerak kerjanya bagi memastikan Melaka terus berada pada landasan yang



betul. Dalam pertemuan dengan Melaka Hari Ini (MHI) baru-baru ini, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lendu itu melahirkan iltizamnya untuk menjadikan negeri kelahirannya itu lebih berdaya maju dalam segala aspek. Beliau turut menyentuh beberapa isu termasuk ekonomi dan bekalan air. Berikut Wawancara Khas wakil MHI, A. Jalil Hamid dan Yusri Sahat bersama Ketua Menteri.

MHI: Sejak membentuk kerajaan negeri pada 9 Mac lalu melalui kerjasama daripada 17 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perikatan Nasional (PN), Kerajaan Melaka menggariskan visi dan misi yang cukup jelas dengan hasrat menjadikan Melaka sebagai sebuah negeri berdaya maju dan seimbang dari aspek dunia dan ukhwawi. Sebagai permulaan, boleh YAB Datuk berkongsi misi dan visi YAB untuk membangunkan

negeri Melaka?

Sulaiman: Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Editorial MHI yang diketuai oleh Datuk Seri Abdul Jalil bin Hamid yang hadir bagi sesi temuramah ini. Untuk pengetahuan anda, sejak mula membentuk Kerajaan Negeri Melaka pada 9 Mac lalu bersama-sama 17 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) lain di dalam Perikatan Nasional (PN), kerajaan negeri yang baharu ini mempunyai visi cukup jelas iaitu untuk menangani segala permasalahan dan pada masa sama menjadikan Melaka sebagai sebuah negeri lebih maju dan seimbang dari aspek dunia dan ukhwawi.

Manakala misi Kerajaan Negeri Melaka pula terbahagi kepada lima iaitu:-

- * Inisiatif pintar dan pemerkasaan data dalam agenda pembangunan negeri.
- * Membangunkan dan menyokong ekonomi rakyat tempatan menjadi berdaya maju.
- * Destinasi pelaburan berkonsepkan eko-industri, teknologi IR 4.0, perusahaan industri digital dan industri Maritim. Semua sedia maklum bahawa sejarah Melaka beratus tahun dahulu adalah sebuah pusat perdagangan antarabangsa dan penyebaran agama Islam.
- * Industri pelancongan berkualiti, bertaraf dunia dan unik.
- * Negeri terbersih, terindah, selamat, selesa dan ekonomi untuk didiami.

Bagi membolehkan Melaka kekal berdaya saing, berdaya maju, sudah tentulah pendigitalan perlu disegerakan. Penggunaan aplikasi pintar dan 'data centric analysis' perlu menjadi panduan dan hala tuju baharu kepada semua agensi terutama dalam sektor kerajaan, perindustrian dan sebagainya.

Negeri Melaka perlu mengorak langkah ke arah penyelesaian masalah secara tuntas termasuk isu-isu seperti kesesakan jalan raya

Bagi tujuan memperkasa sektor-sektor ekonomi di Melaka, kerajaan akan terus berusaha mempercepatkan usaha ke arah menyokong pendigitalan Melaka.

terutama ketika di hujung minggu memandangkan ramai pelancong yang datang ke negeri ini.

Selain itu kualiti penyelenggaraan, rantaian bekalan makanan mencukupi, isu harga bahan mentah, makanan, barang dan perkhidmatan, masalah bekalan air dan perkhidmatan sokongan kepada masyarakat, kebersihan, keselamatan, masalah banjir, kualiti rangkaian internet dan telekomunikasi dan lain-lain lagi juga perlu dititikberatkan.

Selain itu, daya saing juga perlu ditingkatkan bagi menjadikan Melaka sebagai destinasi pilihan bagi perniagaan, pelancongan dan pelaburan utama sekali gus dapat meningkatkan kesejahteraan rakyat yang menetap di negeri ini.

MHI: Sektor perkhidmatan, pembuatan dan pelancongan merupakan antara penyumbang terbesar kepada ekonomi negeri Melaka. Apakah yang ingin dilaksanakan kerajaan negeri bagi terus memperkasakan sektor-sektor tersebut?

Sulaiman: Kerajaan negeri sedar bahawa sektor perkhidmatan termasuk pelancongan adalah penyumbang KDNK negeri tertinggi iaitu sebanyak 46.6% manakala sektor pembuatan pula menyumbang kedua tertinggi kepada KDNK negeri sebanyak 38.6%.

Kedua-dua sektor ekonomi ini banyak mempengaruhi iaitu 85.2% daripada keseluруhan ekonomi negeri Melaka. Bagaimanapun, sektor lain khususnya pertanian juga antara penyumbang kepada KDNK negeri.

Justeru, menyedari kepentingan bagi menyokong sektor-sektor ekonomi ini kepada rakyat negeri Melaka, kerajaan negeri akan melaksanakan langkah-langkah bagi menyokong sektor-sektor tersebut untuk terus beroperasi dan berkembang dalam suasana norma baharu semasa musim pandemik Covid-19 dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Kerajaan negeri juga sedang meneliti data pengangguran dan pemberhentian pekerja sepetimana kita tahu Melaka sebuah negeri pelancongan dan kita bimbang akan berlakunya pengurangan tenaga kerja ini.

Jadi, kerajaan negeri melalui Jabatan Perangkaan sedang meneliti semua data sama ada berhenti secara sukarela mahupun yang diberhentikan atau mereka yang diberi peluang bekerja tapi mengikut gaji harian.

Dari situ, kerajaan negeri sedang meneliti data-data ini dan melihat apakah cara yang boleh kita lakukan untuk membantu mereka nanti.



Bagi tujuan memperkasa sektor-sektor ekonomi di Melaka, kerajaan akan terus berusaha mempercepatkan usaha ke arah menyokong pendigitalan Melaka.

Kerajaan juga akan memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan golongan peniaga serta industri dengan berusaha mewujudkan fasiliti berkualiti, menyelesaikan masalah banjir kilat serta masalah kesesakan jalan raya di Melaka ini selain mengambil pendekatan untuk meneliti semula perancangan bagi keseluruhan negeri Melaka yang bertujuan mengimbangi dan merancakkan semula semua sektor ekonomi yang mencakupi keseluruhan negeri.

“ Melaka tidak seperti negeri lain, contohnya Pahang, Johor, Selangor dan Negeri Sembilan. Kita tidak mempunyai sungai-sungai besar yang boleh digunakan untuk menampung bekalan air. Kita terpaksa mengambil air dari Sungai Muar dan perlu pam masuk ke kolam tadahan. ”

MHI: Bagaimana pula langkah-langkah jangka panjang yang bakal dilaksanakan kerajaan negeri bagi mengatas kemelut isu air di negeri ini?

Sulaiman: Melaka sebenarnya seperti yang kita tahu tidak mempunyai sumber air semula jadi. Melaka tidak seperti negeri lain, contohnya Pahang, Johor, Selangor dan Negeri Sembilan. Kita tidak

mempunyai sungai-sungai besar yang boleh digunakan untuk menampung bekalan air. Kita terpaksa mengambil air dari Sungai Muar dan perlu pam masuk ke kolam tadahan.

Untuk jangka masa pendek dan sederhana, beberapa kajian telah kita buat berdasarkan krisis air baru-baru ini. Buat masa sekarang, ada beberapa projek telah kita mohon dan mendapat kelulusan contohnya Empangan Sungai Jerneh dan kita juga ada dua lagi projek bernilai RM300 juta yang telah diluluskan iaitu projek Off River Storage (ORS).

Salah satu projek ORS ialah mengambil air dari Sungai Kesang ke Tasik Biru dan kemudiannya akan terus ditarik ke Empangan Durian Tunggal. Satu lagi projek ORS yang diluluskan daripada peruntukan RM300 juta itu akan kita gunakan untuk menyalurkan air dari Tasik Biru terus ke Empangan Jus.

Selain itu, kita sedang mengkaji kemungkinan membangunkan satu projek 'Coastal Reservoir' atau Empangan Pesisir Pantai yang boleh kita bangunkan di kawasan pesisir pantai di Melaka. Kita percaya projek Coastal Reservoir ini amat penting untuk menampung bekalan air di masa akan datang.

Sebenarnya, banyak lagi cadangan sudah kita fikirkan dan kajian jangkamasa panjang juga sedang kita buat kerana kita tidak mahu lagi Melaka sebagai sebuah negeri pelancongan dan industri yang sedang membangun terjejas dengan masalah-masalah air.

Dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan sahaja kita ada lebih 400 pengilang yang sudah lama ada yang mana mereka juga memerlukan air. Air amat penting bukan sahaja kepada manusia tetapi begitu juga kepada hotel-hotel dan kawasan industri. Jadi, sudah pastilah saya dan kumpulan saya akan berusaha sebaik mungkin untuk memastikan masalah air di Melaka dapat diatasi.

MHI: Berapakah kenaikan peratusan permintaan air dan peratusan bekalan air di Melaka setiap

tahun?

Sulaiman: Setakat hari ini saya tidak mempunyai data yang lengkap mengenai perkara itu tetapi ingin saya beritahu bahawa di Melaka selain daripada air yang kita ambil daripada Sungai Gersik ini, kalau full strength kita pump in sebanyak 220 juta liter.

Manakala melalui Empangan atau Sungai Melaka kapasiti yang boleh kita pump in air untuk masuk ke bundle storage (air yang kita guna pakai) lebih kurang 60 juta liter sehari. Itu merupakan jumlah yang boleh kita hasilkan setiap hari.

Jadi kalau dicampur kedua-duanya, ia akan menjadi 280 juta liter yang dapat kita hasilkan sehari.

Tetapi tahukah bahawa kita sebenarnya memerlukan lebih kurang 650 juta liter

sehari untuk kita salurkan air kepada pengguna yang ada termasuklah sektor industri dan sektor-sektor lain. Jadi, kita ada short fall (pengurangan) lebih kurang 380 juta liter untuk sehari.

Sebab itulah kolam-kolam tadahan yang kita ada ini perlu kita penuhi secepat mungkin memandangkan Melaka mempunyai dua pusingan musim kemarau.

Yang pertama, telah kita hadapi awal tahun ini dan yang kedua dijangka akan menanti kita pada Julai hingga September. Bagaimanapun, Alhamdulillah, kolam-kolam tadahan yang kita ada pada hari ini seperti Empangan Durian Tunggal sudah mencapai 80 peratus air.

Namun, kita masih mengharapkan lagi hujan turut sehingga sebelum Julai nanti supaya kita dapat memenuhi semua kolam-kolam tadahan dan dapat menghadapi musim kemarau tanpa berlakunya kekurangan air.

Bahagian Kedua minggu hadapan Ketua Menteri akan mengupas isu perumahan dan pelancongan selain berkongsi mengenai projek HSR.

“ Kita sedang mengkaji kemungkinan membangunkan satu projek 'Coastal Reservoir' atau Empangan Pesisir Pantai yang boleh kita bangunkan di kawasan pesisir pantai di Melaka. ”



Operasi bersepadu MPAG, SWCorp atasi pembuangan sampah haram

Faiz Hasan

ALOR GAJAH - Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) akan bekerjasama dengan SWCorp Melaka bagi memantau kes pembuangan sampah haram secara bersepadu di daerah ini.

Yang Dipertua MPAG, Mohd Fadhil Hassan berkata, pihaknya akan melaksanakan beberapa kaedah operasi termasuk intipan pada waktu yang tertentu bagi menangani masalah berkenaan.

Beliau berkata, isu pusat pembuangan sampah haram di daerah tersebut perlu diatasi bagi mengelakkan persepsi negatif dalam kalangan pelancong yang berkunjung ke negeri ini.

"MPAG memandang serius perkara yang berla-



SEBUAH lokasi pembuangan sampah haram di Kampung Paku yang ditutup oleh SWCorp.

ku ini kerana ia juga akan memberi pandangan negatif pelancong yang datang ke negeri ini lebih-lebih lagi selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)," katanya pada sidang media selepas Operasi Bersepadu Pembersihan Sampah Ha-

ram di Kampung Paku, dekat sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah SWCorp Melaka, Khairuladha Ab Mutalib dan Pengurus Perkhidmatan Kawasan SWM Environment Sdn Bhd, Saifullizan Hashim.

Sementara itu Khairuladha berkata, pihaknya

komited menjalankan operasi bersepadu berkenaan bagi membendung kegiatan yang dilakukan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Katanya, kebanyakan pusat sampah haram yang ditemui di negeri ini terletak di buah jalan sekali gus mem

berikan kesan negatif kepada negeri ini.

"Kami mendapati kebanyakannya sampah haram yang dibuang ini rata-ratanya daripada pihak kontraktor yang tidak bertanggungjawab bagi mengelakkan membayar caj perkhidmatan pusat pelupusan sampah.

"Ini adalah langkah termudah bagi mereka dengan membuang sampah ke lokasi haram. Kebanyakan sampah yang ditemui adalah daripada sisa pembuangan barang industri termasuk sisa pertanian," katanya.

Dalam perkembangan

berkaitan, ujar Khairuladha, sebanyak 38 lokasi pusat pembuangan sampah haram di negeri ini dikesan dan ditutup oleh pihaknya setakat ini.

Beliau berkata, terdapat 79 lagi tapak pembuangan sampah haram yang masih aktif membabitkan 39 lokasi di Bandaraya Melaka, 24 di Hang Tuah Jaya dan 14 lokasi di Alor Gajah.

"Pada tahun ini, sebanyak 12 operasi pembersihan dijalankan dan terdapat satu kes tangkapan berjaya dilaksanakan pada awal Januari lalu," katanya.

Zoo Melaka benar 1,000 pengunjung sehari sepanjang PKPP

Farah Suhaidah Othman

AYER KEROH - Seramai 1,000 orang akan dibenarkan mengun-

jungi Zoo Melaka pada setiap hari sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang bermula 10 Jun.



KAKITANGAN Zoo Melaka (Kanan) menyediakan cecair pembasmi kuman kepada pengunjung yang ingin memasuki zoo tersebut.

Pengunjung boleh membuat pilihan sama ada untuk memasuki sesi pertama dari 8.30 pagi hingga 12 tengah hari atau sesi kedua dari 2 petang hingga 5 petang.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Shadan Othman berkata, pihak pengurusan zoo menetapkan seramai 500 pengunjung bagi setiap sesi berkenaan.

Beliau berkata, langkah itu dibuat bagi memastikan pelawat mengikuti prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan termasuk mengelakkan kesesakan dan kepadatan orang ramai ke lokasi pelancongan itu.

"Dalam tempoh dua jam iaitu dari jam 12 tengah hari hingga 2 petang, kakitangan zoo akan melakukan kerja menyahkuman kawasan sekitar sebelum sesi petang dibuka.

"Kita menyediakan petak khas bagi pengunjung yang ma-

hu melakukan aktiviti memberi makanan kepada haiwan dan kakitangan zoo akan memantau orang ramai mengamalkan penjarakan sosial," katanya ketika ditemui pemberita di zoo tersebut di sini.

Menurut Shadan, bilangan pengunjung dijangka bertambah pada hujung minggu selepas Zoo Melaka membuat promosi potongan harga tiket iaitu RM10 bagi dewasa manakala RM5 bagi kanak-kanak dan orang kurang upaya (OKU) berbanding harga biasa RM17 untuk dewasa manakala RM12 bagi kanak-kanak.

Katanya, orang ramai boleh membeli tiket menerusi atas talian atau pembelian di kaunter.

"Pelbagai program yang dirancang termasuk mewujudkan 'petting zone', sesi bergambar dengan haiwan, pemberian makanan secara percuma kepada haiwan, bertemu maskot pada hujung

minggu dan banyak lagi," katanya.

Sementara itu Pengarah Zoo Melaka dan Taman Burung, Zanariah Khamis berkata setakat ini, melalui Tabung Sumbangan Zoo Melaka yang dilancarkan April lalu, Zoo Melaka berjaya mengumpul dana berjumlah RM94,000 manakala sumbangan makanan yang diterima di taman haiwan itu bernilai RM250,000.

"Syarikat swasta, badan kerajaan dan individu seluruh negara juga dipelawa untuk menjadikan haiwan di taman ini sebagai haiwan angkat dalam usaha memastikan bekalan makanan, perubatan dan pengurusan haiwan ini dilakukan secara berterusan," katanya.

Orang ramai yang ingin memberi bantuan bagi Tabung Sumbangan Zoo Melaka, boleh menyalurkannya ke dalam akaun CIMB Bank Zoo Melaka atas nama Zoo MPHTJ bemombor akaun 8009600869.

MELAKA HARI INI

EDITORIAL	Ketua Pengarang YUSRI SAHAT yusri.sahat@gmail.com	Pengarang ROSHIDI ABU SAMAH roshidiabusamah@gmail.com	Penolong Pengarang AHMAD FUAD RAMDAN fuadramdan9@gmail.com	DIGITAL	Pengurus RAFIE JAMALUDIN rafie.melakakini@gmail.com	HANALIZA JUMINGAN hanaliza.mk@gmail.com
WARTAWAN	LIANA SAHABUDIN lilyann90@gmail.com	MOHD FAZRUL ABDUL MAJID fazrul.melakakini@gmail.com	NURSALIA SALBERI saliasalberi@gmail.com	COPYWRITER	MOHD HAMZATUL AKMAR MD ZAKARIA Konohamaru87@gmail.com	MOHD FADZLY MOHD IZAB fadzly.izab@gmail.com
	FARAH SUHAIDAH OTHMAN farahsuaidah@gmail.com	MOHD FAIZ ABU HASAN faizhasan1848@gmail.com		UNIT IT	Ketua NAZARUL AZHAM IBRAHIM nazarulazham@gmail.com	
PEMASARAN	Pengurus MUHAMMAD HAMZI ROSMANI amz.melakakini@gmail.com 018 - 329 9936	ZUL RAHIMI RAMLI mk7.zul@gmail.com	SITI NAJIHA ABDULLAH iehanjahiah0@gmail.com	UNIT IT MEDIA SOSIAL	NURUL FATIN AMIRAH TAHIR nurulfatira.11@gmail.com	SHARIFAH NORHALIDAH SYED KHAIDZIR khalidah.melakakini@gmail.com
				MELAKA TV	PENOLONG PENGURUS ASHALIA YUSOF ashaliayusof@gmail.com	penyunting video RABIAH OSMAN osmanrabiah@gmail.com
				Jurukamera ISMAIL IBRAHIM dakmail92@gmail.com	AUFA IZZATI AHMAD ZAILANI aufaizzati98@gmail.com	wartawan penyiaran MOHAMAD FARIS HAikal farishalkal@gmail.com
						AMIRUL RAMLI amirulraml@gmail.com




ENROL AT OUM WITH YOUR WORK EXPERIENCE THROUGH APEL (A)




APEL (A)



GRADUATE FASTER AND
SAVE COST WITH APEL (C)



180,000
Learners



85,000
Graduates



34
Learning
Centres



46
Programmes



MQA
approved

*Terms and Conditions apply

Call us at:

Melaka 06-2921852 / 019-2181851

Seremban 06-7611003/ 019-6586867

Pontian 07-2212006 / 019-7765700

Batu Pahat 07-4381788 / 017-6039885

Johor Bahru 07-2212006 / 019-7765700

 SPEEDLINE: 03-78012000

 enquiries@oum.edu.my

 apel@oum.edu.my

 apel.oum.edu.my

 [OpenUniversityMalaysia](#)

www.oum.edu.my

Perjumpaan dengan penghuni institusi penjara bermula 15 Jun

KUALA LUMPUR - Jabatan Penjara Malaysia membenarkan sesi lawatan perjumpaan pelawat dengan penghuni di institusi penjara seluruh negara bermula 15 Jun ini.

Timbalan Pengarah Dasar Kepenjaraan Jabatan Penjara Malaysia, Hafiz Othman berkata pelawat perlu membuat tempahan perjumpaan menggunakan dua kaedah iaitu secara dalam talian menerusi sistem i-VISIT atau panggilan telefon ke institusi penjara yang berkenaan.

"Hanya dua pelawat dibenarkan untuk berjumpa dengan penghuni dan setiap pelawat yang hadir diwajibkan memakai pelitup muka serta menggunakan cecair pembasmi kuman sebelum berurus di kaunter pendaftaran.

"Pelawat perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan sebagai langkah membendung penularan Covid-19," katanya dalam satu

kenyataan.

Beliau berkata saringan suhu akan dijalankan terhadap pelawat sebelum dibenarkan masuk untuk berurus di tempat pendaftaran perjumpaan.

"Mana-mana pelawat yang mempunyai gejala saluran pernafasan iaitu batuk, selesema dan sakit tekak atau demam dengan suhu melebihi 37.5 darjah Celcius tidak dibenarkan melakukan perjumpaan.

"Hanya pelawat yang telah membuat tempahan perjumpaan dibenarkan untuk menunggu di ruang menunggu pelawat," katanya.

Pada 30 Mac lepas, Jabatan Penjara Malaysia memaklumkan sesi perjumpaan antara penghuni di institusi penjara dengan keluarga ditangguhkan kepada satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian, selaras dengan usaha menyekat penularan Covid-19. - BERNAMA



Penjara - GAMBAR hiasan

BANTUAN KHAS WABAK COVID-19



MELAKA



PENGURANGAN SEWA BULANAN

Pengurangan sewa bulanan Rumah Kos Rendah dan Rumah Pangsa lain milik LPM dan ini akan memberi manfaat kepada hampir 1,462 isi rumah

Pelanggan berhak minta bukti penggunting rambut bebas Covid-19 - Ismail Sabri

PUTRAJAYA - Pelanggan yang ingin mendapatkan khidmat menggunting rambut berhak meminta sijil kesihatan bebas Covid-19 daripada penggunting rambut sebelum menggunakan khidmat mereka, kata Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata ini bagi memastikan prosedur operasi standard (SOP) kedai gunting rambut dipatuhi terutama apabila melibatkan penggunting rambut warga asing.

"Syarat untuk menggunting rambut ialah tukang gunting mestil negatif (Covid-19) untuk teruskan operasi mereka.

"Pengguna boleh minta (dokumen) setiap klinik yang buat ujian swab, biasanya akan keluarkan surat mengatakan mereka bebas virus itu. Pengunjung berhak minta surat tersebut," katanya dalam sedang media harian perkembangan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) di sini.

Kedai gunting dan dandanan rambut serta salon kecantikan dibenarkan beroperasi sejak 10 Jun ketika PKPP.

Ismail Sabri juga meminta pelanggan membantu kerajaan dengan menyalurkan aduan berkaitan penggunting atau pendan-

Syarat untuk menggunting rambut ialah tukang gunting mestil negatif (Covid-19) untuk teruskan operasi mereka.

dan rambut yang gagal menunjukkan bukti bahawa mereka bebas Covid-19.

"Tukang gunting, terutama warga asing, yang gagal menunjukkan bukti apabila diminta adalah melanggar SOP ditetapkan dan pelanggan boleh membuat aduan kepada pihak berkuasa mengenainya," kata beliau. - BERNAMA



Ikmalrudin dilantik sebagai Setiausaha SPR

PUTRAJAYA - Ikmalrudin Ishak dilantik sebagai Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) berkuat kuasa 5 Jun, menggantikan Datuk Mohamed Elias Abu Bakar yang bersara wajib pada 30 Mei, demikian umum Ketua Setiausaha Negara Datuk Seri Mohd Zuki Ali.

Beliau berkata Ikmalrudin berpengalaman luas dalam bidang pengurusan, perolehan, pengurusan Parlimen dan urusan pilihan raya.

"Semoga dengan pe-

lantikan ini, beliau akan dapat memimpin Urusetia SPR dalam merancang, menyelaras dan melaksanakan dasar-dasar yang ditetapkan SPR dengan cekap dan berkesan," katanya dalam kenyataan.

Ikmalrudin, 49, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sosiologi/Antropologi daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama 24 tahun dengan jawatan pertamanya sebagai Penolong Pengarah (Jabatan Agama Islam) di Jabatan Perdana Menteri pada 1

Mac 1996.

Antaranya, beliau pernah menjawat jawatan sebagai Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan Parlimen), Timbalan Setiausaha (Pengurusan Suruhanjaya Pilihan Raya) dan Pengarah SPR Negeri Selangor.

Mohd Zuki bagi pihak kerajaan turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Mohamed Elias atas jasa dan khidmat bakti kepada negara sebagai penjawat awam selama 37 tahun. - BERNAMA



IKMALRUDIN (kanan) menggantikan Datuk Mohamed Elias Abu Bakar yang bersara wajib pada 30 Mei.



MIMBAR MAIM

Mhi

EDISI KHAS

EDISI 15 JUN 2020 - 21 JUN 2020

"Perumpamaan (nafkah yang dikeluarkan oleh) orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah adalah serupa dengan sebutir benih yang menumbuhkan tujuh bulir. Pada tiap-tiap bulir seratus biji. Allah melipat gandakan (ganjaran) bagi sesiapa yang Dia kehendaki, dan Allah Maha Luas (kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui."

(Surah al-Baqarah ayat : 261)



Agih zakat pandukan Maqasid Syariah

HIBAH vs WASIAT

PERBEZAAN ANTARA HIBAH DENGAN WASIAT

<https://afyan.com/apa-beza-antara-hibah-dengan-wasiat.html/>

	HIBAH	WASIAT
Maksud	Pemberian ketika hidup	Pemberian selepas meninggal dunia
Jumlah	Tiada limit	Maksimum 1/3 daripada jumlah harta pusaka.
Penerima	Kepada sesiapa sahaja.	Hanya untuk BUKAN WARIS sahaja
Persetujuan	Tidak perlu persetujuan waris	Tidak perlu persetujuan waris KECUALI bagi yang melebihi 1/3
Hukum	Sunat	Sunat tapi WAJIB dilaksanakan
Rukun	Ada rukun tertentu yang memerlukan ijab dan qabul	Tiada sebarang rukun
Pindah milik	Boleh dilakukan ketika pemilik harta hidup atau selepas kematiannya.	Selepas kematian pemilik

ZAKAT merupakan rukun Islam ketiga yang wajib ditunaikan oleh setiap umat Islam.

Pensyiaran zakat berperanan sebagai medium penyucian harta serta perkongsian kekayaan bagi mengukuhkan ekonomi umat Islam.

Agihan zakat disalurkan kepada lapan golongan asnaf yang telah ditetapkan oleh Allah SWT iaitu asnaf fakir, miskin, amil, mualaf, al-riqab, al-gharimin, fisabilillah dan ibnu sabil sebagaimana yang termaktub dalam al-Quran di dalam surah al-Taubah ayat 60.

Setiap skim agihan yang disediakan kepada golongan asnaf zakat memainkan peranan penting dalam memastikan setiap keperluan asnaf dipenuhi dan bertepatan dengan syariat Islam.

Justeru, bagi memastikan setiap skim agihan zakat yang disediakan mencapai matlamat kewajipan dan hikmah berzakat, maka agihan zakat hendaklah dijalankan mengikut maqasid syariah berdasarkan keutamaan yang lima iaitu agama, nyawa, akal, keterurusan dan harta.

Skim agihan zakat yang bertepatan dengan matlamat yang digariskan syarak bukan sahaja dapat menjamin maslahah dan kepentingan penerima zakat, malah dapat menjadikan institusi zakat di Malaysia lebih unggul dan bertaraf dunia.

Oleh itu, pendekatan maqasid syariah dalam setiap skim dan bentuk agihan yang disediakan perlu diberi perhatian yang sewajarnya.

Perkara ini penting untuk memastikan setiap skim yang diperkenalkan selari dengan konsep maqasid syariah yang mengutamakan maslahah dan kepentingan bagi sesuatu perkara.

Pelbagai skim agihan zakat yang diperuntukkan oleh Majlis Agama Islam Negeri dan Pusat Zakat bagi membantu golongan asnaf.


Skim ini meliputi aspek kebajikan dan pembangunan asnaf



seperti bantuan keperluan asasi, keperluan pendidikan, agama, perubatan, perumahan, modal pembiagaan dan sebagainya.

Semua skim yang disediakan harus dinilai semula dalam memastikan ianya bertepatan dengan maqasid Syariah dan menepati kaedah islamiah yang lebih telus dan penuh intergriti.

Kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa kelima-lima prinsip dalam maqasid syariah memainkan peranan penting dalam mengukur keberkesanan sesuatu bantuan yang disalurkan dan meningkatkan kepercayaan dan pendirian asnaf terhadap agama Islam.





PRIHATIN... Pegawai Agihan Zakat Daerah Alor Gajah (PAZAG), Mazfazil Ismail menyantuni asnaf dan menyampaikan sumbangan wang tunai kepada salah seorang asnaf di dalam kawasan DUN Lendu baru-baru ini.



PEGAWAI Agihan Zakat daerah Melaka Tengah (PAZMT), Mohd Dino Delan bersama Skuad Agihan Zakat Melaka (SAZ) turun padang beramah mesra dan menyampaikan sumbangan wang tunai kepada sebahagian asnaf di dalam kawasan DUN Pantai Kundor. SAZ sentiasa memastikan golongan asnaf dan mereka memerlukan akan di bantu di sepanjang tempoh sukar dalam menghadapi wabak pandemik Covid-19 serta Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP) ini.

Ke Manakah Wakaf Anda?

Jom Berwakaf
Wakaf Tunai Melaka

Bayaran Wakaf Serendah RM 2.00 Sahaja

Pengambilan/Pembelian Lot Tanah Bagi Tujuan Keagamaan

Pembangunan Hartanah Wakaf

Pembaikan Hartanah Wakaf

Kaedah bayaran #1 MELALUI POTONGAN GAJI SECARA BULANAN

Kaedah bayaran #2 Download APPS e-WALLET BOOST

Kaedah bayaran #3 Bayar di Kaunter Wakaf MAIM

Kaedah bayaran #4 MELALUI AKAUN BANK BANK ISLAM (MAIM) 0401 5010 0174 34

Bahagian Wakaf MAIM : 06-283 7416 / 06-284 9809



HARITH BIN HASSAN

Eksekutif Dakwah Zakat Melaka
Majlis Agama Islam Melaka.

SESETENGAH orang ramai ada yang mempunyai masalah kewangan atau kekurangan wang untuk menyara keluarga. Pelbagai usaha perlu dilakukan dengan bersungguh-sungguh supaya kita akan dikurniakan harta yang melimpah ruah.

Setiap pekerjaan yang dilakukan haruslah daripada sumber dan pencarian yang halal agar kita akan memperolehi harta atau gaji yang lebih berkat dan suci, bagi meneruskan kelangsungan hidup di dunia ini.

Oleh yang demikian, semua agama khususnya Islam amat menggalakkan umatnya mengumpul harta kerana ianya adalah sumber pendapatan bagi menyara kehidupan. Bagi sesetengah orang tidak henti-henti memikirkan tentang apa yang akan diperolehi sama ada hari ini, hari esok dan hari-hari yang mendatang terutamanya tentang harta atau gaji yang diperolehi.

Hal ini tidak hairanlah kerana ianya memang lumrah dan sifat semulajadi manusia itu sendiri mencari harta yang bersanggatan, sebagaimana dengan firman Allah SWT dalam Surah Ali Imran ayat, 14: Yang bermaksud: *"Dijadikan indah pada (pandangan) manusia kecintaan kepada apa-apa yang diliungi, iaitu: wanita-wanita, anak-anak, harta yang banyak dari jenis emas, perak, kuda pilihan, binatang-binatang ternak dan sawah ladang. Itulah kesenangan hidup di dunia, dan di sisi Allahlah tempat kembali yang baik (syurga)".*

Harta atau gaji yang diperolehi seseorang itu hendaklah daripada sumber yang halal supaya lebih berkat dan men-

carinya daripada hasil titik peluh sendiri, bukannya dengan cara menunggu pembelian daripada orang lain. Sebagai contoh sedekah, derma dan lain-lain lagi, walhal kita mempunyai tubuh badan yang sihat dan bertenaga. Dilarang sama sekali kita meminta-minta terhadap orang lain tanpa usaha yang dilakukan. Daripada Ibnu Umar RA bahawasanya Rasulullah SAW bersabda, *"Tabiat suka meminta-minta menjadi kebiasaan seseorang daripada kamu (umat) sehingga ia menemui Allah di akhirat sedangkan mukanya tidak mempunyai daging (hina)".* (Hadith Riwayat Bukhari dan Muslim)

Adakah halal harta atau gaji yang diperolehi itu? Pelbagai situasi yang memberi seribu satu pertanyaan, sedangkan situasi dimana sesetengah orang datang lewat ke tempat kerja, curi masa dengan bersarapan lama bukan seminit dua tetapi berjam-jam melepak di kedai-kedai makan, membuat tuntutan perbatuan yang salah, menipu dengantuntutan kerja lebih masa dan sebagainya lagi.

Perkara sedemikian adalah bersalah sama sekali dengan tuntutan agama, intergriti, amanah dan etika kerja. Ianya akan menjadi harta yang diperolehi tidak berkat dan haram. Oleh kerana itu, gaji yang diperolehi setiap bulan tidak akan pernah cukup, rumah tangga tidak bahagia, kehidupan menjadi sempit, sering mengalami kesakitan dan keterbatasan menguruskan kewangan.

Halal adalah salah satu tuntutan Islam sama ada sesuatu perkara, benda atau perbuatan yang diizinkan dan diboleh-

kan menurut hukum Islam. Ianya bukan sahaja berkaitan dengan makanan dan minuman semata-mata, tetapi meliputi segala aspek sama ada dari segi mental, tingkah laku, jasmani dan rohani.

Justeru itu, usaha dan kesungguhan kita mengumpulkan harta, Islam amat menitikberatkan kita agar memperolehi daripada sumber yang halal dan diredayai. Bukan sahaja halal yang dicari, tetapi bagaimana kita memperolehi harta tersebut iaitu tidak menimbulkan rasa tidak puas hati dengan orang lain dan menganiaya seseorang itu disebabkan ketamakan harta yang telah menguasai diri. Tingkah laku dan perbuatan haruslah dijaga dengan baik supaya mendapat keberkatan dan keredaan dari-Nya atas apa yang kita usahakan.

Oleh yang demikian, kita haruslah sentiasa berkongsi dan memberi hak sebahagian harta kita kepada mereka yang kurang berkemampuan sama ada melalui penyaluran daripada zakat, sedekah, wakaf, derma, sumbangan, hibah dan sebagainya. Dalam mencari harta yang halal, kita hendaklah mengelakkan melakukan perbuatan seperti riba', menipu, mengumpul harta keseluruhannya, mencuri dan menzalimi orang lain dengan melakukan perbuatan yang haram menurut hukum syarak. Carilah harta dengan cara yang betul dan jangan sekali-kali kita lahai tentang harta sehingga mengumpulkannya dengan tamak tanpa memikirkan orang lain serta mementingkan diri sendiri tanpa mengagih-agihkannya kepada yang berhak sekaligus mengheret kita kelembah kesesatan.

Harus diingatkan bahawa harta itu adalah milikan sementara, manakala milikan yang mutlak sepenuhnya hanyalah Allah SWT. Harta yang diperolehi adalah pinjaman semata-mata untuk kita uruskan kepada kebaikan dan yang diredayai untuk kelangsungan kehidupan di dunia ini. Justeru itu, janganlah kita abaikan dan langsung tidak berusaha sepanjang kehidupan kita dalam mencari harta kerana ianya satu tuntutan. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT di dalam Surah Al Jumu'ah ayat 10: Yang bermaksud: *"Dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah serta ingatlah Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya dunia dan akhirat".*

Oleh itu, mencari yang halal adalah satu tuntutan dan bekerjalah dengan ikhlas semata-mata kerana Allah SWT. Apabila kita berkerja dengan bersungguh-sungguh dan mempunyai hasil pendapatan yang halal dan lumayan, lalu kita kongsikan harta kepada mereka yang kurang berkemampuan, mereka akan dianjikan ganjaran yang berlipatganda pahala oleh Allah SWT. Harta yang diagih-agihkan akan menjadi lebih berkat dan bertambah khususnya ibadah zakat jika kita melaksanakannya. Hanya wajib mengeluarkannya sebanyak 2.5% sahaja dan perlu dikembalikan kepada yang hak.

Sebarang pertanyaan, permasalahan dan pengiraan zakat bolehlah menghubungi di talian 06-2812441/42/43 ZAKAT MELAKA atau melayari laman web www.izakat.com untuk info lanjut.



LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.maim.gov.my

Email | admin@maim.gov.my

Youtube | [majlis agama islam melaka](#) Facebook | [facebook/maimmelaka](#)

"Pengagihan zakat yang telus amanah kami"



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni



LUNAS AMANAH... Ketua Unit Wakaf MAIM, Nasri Buchik menerima serahan dokumen perwakafan yang telah diserahkan oleh pewakaf, Fandy Zaini bagi tujuan tapak surau dalam kawasan DUN Serkam. Turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan berkenaan, Datuk Zaidi Attan.



TABUNG AMAL JARIAH NEGERI MELAKA (TAJM)

OBJETIF

- Memperkuuh dana masyarakat Islam.
- Meningkatkan pemilikan harta tanah.
- Menerapkan konsep amal jariah di kalangan pekerja Islam yang bekerja di Negeri Melaka
- Menggalakkan masyarakat Islam di Negeri Melaka untuk berinfaq

GOLONGAN SASAR

- Kakitangan awam dan swasta yang beragama Islam.
- Masyarakat Islam di Negeri Melaka.
- Warga asing beragama Islam yang berkhidmat di Negeri Melaka.

PROSEDUR PENYERAHAN TAJM

- Masyarakat Islam hadir ke pejabat Baitulmal, MAIM untuk menyerahkan sumbangan.
- Kakitangan awam@swasta boleh membuat potongan gaji setiap bulan melalui borang yang disediakan @ boleh layari laman web maim.gov.my
- Resit akan dikeluarkan kepada individu/melalui jabatan-jabatan kerajaan.

SUMBANGAN DISALURKAN KEPADA

- Kumpulan Wang Baitulmal
- Pembelian Aset Baitulmal
- Pembinaan Masjid, Sekolah Tanah Perkuburan Islam
- Membantu kemudahan keperluan pendidikan Islam seperti buku teks, kerusi meja dan prasarana
- Dakwah Sosial Umat Islam

KETUA Menteri, Datuk Sulaiman Md Ali hadir pada mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) di bangunan Seri Negeri baru-baru ini. Mesyuarat berkenaan dipengerusikan oleh beliau sendiri dan pelbagai perkara dibincangkan bersama berkaitan pemerkasaan hal ehwal wakaf dan baitulmal serta pemurnian kaedah pengagihan bantuan zakat yang lebih efisyen. Hadir sama dalam mesyuarat berkenaan, Timbalan Pengurus MAIM, Datuk Md Rawi Mahmud dan Mufti Kerajaan Negeri, Datuk Wira Abdul Halim Tawil.



KURANGKAN RISIKO JANGKITAN COVID-19:



1.

Tutup mulut dan hidung menggunakan tisu apabila batuk dan bersin. Buang tisu yang telah digunakan ke dalam tong sampah.



2.

Kerap cuci tangan menggunakan air dan sabun atau bahan pencuci tangan (hand sanitizer).



3.

Pakai penutup mulut dan hidung (mask) sekiranya bergejala.



4.

Pastikan anda menjaga kebersihan diri sepanjang masa.





Setinggi-tinggi Tahniah

Kepada



**Tuan Yang Terutama
Tun Datuk Seri (Dr.) Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam**

S.M.N., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.

Di atas pelantikan sebagai

Yang di-Pertua Negeri Melaka Ke-7

Setulus Ikhlas daripada

Pengerusi dan Jawatankuasa Persatuan India Muslim Melaka
serta Masyarakat India Muslim Melaka





Mohd Shukri Mahadi
Penganalisis pelaburan

Kesan Covid-19 kepada ekonomi global

BAGAIMANAKAH pandemik Covid-19 memberi kesan kepada ekonomi dunia sehingga banyak negara yang tersungkur?

Jawapannya ialah kerana cara merebak virus ini yang perlu ditangani secara "social distancing" atau penjarakkan sosial.

Langkah inilah yang menyebabkan 'lockdown' kepada aktiviti manusia dan memberi kesan kepada aktiviti ekonomi.

Masyarakat tidak dibenarkan keluar rumah, penutupan institusi perbankan, penutupan pejabat, penutupan premis perniagaan, larangan penerbangan, sekolah tidak dibuka dan pelbagai lagi.

Pendek kata aktiviti manusia terhenti serta merta.


LATARBELAKANG

Sememangnya pada 2019 lagi ketidaktentuan ekonomi telah wujud akibat daripada 'trade war' antara Amerika Syarikat dan China.

Perang dagang yang berterusan sejak 2018 itu yang menggunakan tarif sebagai senjata utama telah memberi kesan kepada 'emerging countries' (negara membangun) seperti Thailand, Malaysia, Indonesia, Brazil dan Mexico yang merupakan rakan dagang utama antara kedua-dua kuasa ekonomi itu.

Kemudian pada akhir 2019, penularan wabak virus SARS-COV-2 kemudian dikenali sebagai Covid-19 secara tidak disangka-sangka telah menjadi pandemik apabila virus ini mula menjangkiti di luar wilayah Wuhan, China sebelum merebak ke seluruh dunia.

Ketika artikel ini ditulis, statistik menunjukkan lebih 7 juta orang dijangkiti Covid-19 dan 400 ribu orang mati akibat dari wabak ini.



Sumber: WHO

PANDEMIK

Pada 12 Mac 2020, World Health Organisation (WHO) secara rasmi mengumumkan bahawa wabak Covid-19 adalah pandemik apabila 118,000 orang dijangkiti di 110 buah negara di seluruh dunia.

Pengumuman WHO ini membuatkan para pelabur bertindak membuat jualan panik diseluruh dunia. Pasaran saham global jatuh merudum serta merta dan menyebabkan kerugian US\$6 trillion hanya dalam masa satu minggu. Indeks S&P500 jatuh (36%) dengan kerugian hampir USD5 trillion. Manakala Bursa Malaysia jatuh (22.5%).



Carta Indeks S&P500 Futures Sumber Yahoo Finance



Carta Indeks KLSE Sumber Yahoo Finance

KEMELESATAN EKONOMI

Oleh kerana hampir seluruh dunia melaksanakan dasar 'stay at home' atau tinggal di rumah, maka secara tidak langsung ia mengakibatkan benih kemelesatan ekonomi global.

International Monetary Fund (IMF) membuat unjuran bahawa kemelesatan ekonomi kali ini akan sama seperti krisis kewangan global tahun 2007 - 2008.

Dalam sejarah moden 100 tahun, ini kali pertama kemelesatan ekonomi disebabkan oleh wabak penyakit.

Krisis 2007 disebabkan oleh kelemahan dalam pengurusan polisi kewangan. Krisis 1997 disebabkan oleh keruntuhan matawang Thai Bhat. Krisis 2010 disebabkan oleh masalah ekonomi Greece.

KESAN TERHADAP INDUSTRI

Industri	Kesan	Jumlah Kerugian(sehingga April 2020)
Penerbangan	Travel ban (halangan perjalanan) Penutupan penerbangan dan lapangan terbang	USD113 billion Sumber IATA
Perhotelan dan Makanan	Pembatalan tempahan hotel Penutupan restoran/bar	USD150 billion Sumber Axios
Sukan	Pembatalan semua acara sukan harian/mingguan/bulanan Pembatalan sukan Olimpik Jepun	Tiada perangkaan rasmi.
Minyak	Tiada permintaan untuk minyak dan tenaga.	Harga minyak jatuh ke paras USD -42.
Perbankan	Peningkatan Non Performing Loan (NPL) Penurunan transaksi pengguna	Trillion. Tiada perangkaan rasmi.
Kewangan	Jualan panik pelabur seluruh dunia	USD6 trillion Sumber Reuters
Pengacaraan dan pameran	Pembatalan semua acara pameran, musik, perkahwinan, acara koperat	Ratusan billion. Tiada perangkaan rasmi.
Perfileman	Penutupan produksi dan panggung wayang.	USD 5 billion. Sumber Statista
Insurans	Peningkatan tuntutan hospital dan kematian.	Ratusan billion. Tiada perangkaan rasmi.
Pendidikan	Penutupan sekolah dan universiti.	USD 600 billion. Sumber Bloomberg.

LANGKAH PERMULIHAN EKONOMI

Selain dari mengambil langkah membendung wabak oleh pihak kerajaan, Bank Pusat dan pembendaharaan turut memainkan peranan aktif bagi mengelakkan masalah ekonomi yang lebih teruk dan sukar dibendung.

Berikut ialah antara tindakan yang telah diambil sehingga Bulan April 2020.

Negara	Fiskal	Perbelanjaan Monetari	Kadar faedah direndahkan kepada
US	USD2.3 tn	USD3 tn	0.25%
UK	GBP330bn	GBP200bn	0.1%
EU	NA	EU1.3tn	0.00%
Canada	C\$107	C\$1bn	0.25%
Malaysia			2.0%
	RM270bn		

Sumber: Laporan bank Pusat

MELIHAT KEHADAPAN

Pemulihan ekonomi dijangka perlahan walaupun kebanyakan negara, negeri dan bandar telah mula beroperasi sedikit demi sedikit dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat.

Akhirnya ia bergantung kepada keyakinan pengguna untuk meneruskan aktiviti kehidupan norma baru dan keyakinan untuk berbelanja.

Rantaian ekonomi hanya mampu berpusing apabila pengguna kembali kepada rutin sebelum terjadinya wabak Covid-19.

Adalah sukar untuk meramalkan bila keadaan akan kembali normal selagi vaksin bagi melawan virus Covid-19 tidak ditemui.

Vaksin pada kebiasaanya mengambil masa bertahun-tahun untuk benar-benar selamat digunakan oleh manusia.

Mengikut Dr Antoni Fauci (Director of the National Institute of Allergy and Infectious Disease), beliau menjangkakan kemungkinan vaksin boleh mula dihasilkan pada suku pertama 2021.

Sehingga itu, kita harus terus amalkan penjagaan kebersihan diri, penjarakkan sosial. Kita juga kita.



Setinggi-tinggi Tahniah

Kepada



**Tuan Yang Terutama
Tun Datuk Seri (Dr.) Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam**

S.M.N., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.

Di atas pelantikan sebagai

Yang di-Pertua Negeri Melaka Ke-7

Setulus Ikhlas daripada

WORLD YOUTH HOTEL

LEBUH AYER KEROH, 75450 AYER KEROH MELAKA.
Tel: 06-2333 880 / 881 Email: worldyouthhotel@gmail.com



United Youth Movement of Malaysia
Pertubuhan Gerakan Belia Bersatu Malaysia
青团运马六甲州分会 GBBM NEGERI MELAKA

BISNES

PENJANA:

MITI sambut baik usaha pulihkan sektor industri

Mohamed Fazrul Abdul Majid
fazrul.melakakini@gmail.com

BATU BERENDAM - Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) menyambut baik usaha kerajaan mewujudkan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara Jangka Pendek (PENJANA) yang diumumkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, baru-baru ini.

Timbalan Menterinya, Senator Datuk Lim Ban Hong berkata, pelan berkenaan diyakini dapat membantu pelbagai sektor termasuklah sektor industri dan pembuatan yang kini sedang terjejas ekoran penularan pandemik Covid-19.

Beliau berharap dengan adanya pelan jangka pendek itu, semua pihak dapat memainkan peranan penting dan berganding bahu untuk membangunkan semula ekonomi negara memandangkan Ma-

laysia kini berada dalam fasa pemulih.

"PENJANA yang diumumkan Perdana Menteri diyakini dapat membantu pelbagai sektor dalam negara, bukan sahaja sektor industri dan pembuatan tetapi juga sektor pelancongan, selain turut memberi penekanan kepada perusahaan kecil dan sederhana.

"Saya fikir sekarang ia bukan sahaja memerlukan usaha kerajaan dari segi mewujudkan pakej rangsangan dan pelan ekonomi sahaja, sebaliknya sudah tiba masa ia memerlukan penglibatan rakyat jelata dan usahawan yang terlibat untuk bekerjasama membantu pembangunan ekonomi dalam tempoh pemulihran ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis kunjungan mesra Ketua Menteri Datuk Haji Sulaiman Md Ali ke tempat pembungkusan dan ag-

ihan peralatan pelindung diri (PPE) di Pusat Young Buddhist Association of Malaysia Melaka State Liasion Committee (YBAM), di sini.

Dalam perkembangan lain, Ban Hong turut menyatakan kesediaan untuk membantu kerajaan negeri membangunkan ekonomi Melaka menerusi sektor industri dan dagangan.

"Seperti yang disebut Ketua Menteri, Melaka bukan hanya sebuah negeri yang berteraskan pelancongan, tetapi juga sedang menggiatkan sektor industri dan dagangan melalui pembangunan pelabuhan.

"Saya fikir melalui kerjasama yang jitu daripada semua pihak, semua perancangan ini untuk membangunkan sektor industri dan dagangan ini akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan di masa akan datang," ujarnya.



SULAIMAN (dua kiri) dan Ban Hong (kiri) diberi penerangan tentang penghasilan PPE ketika kunjungan ke Pusat Young Buddhist Association of Malaysia Melaka State Liasion Committee (YBAM).

Platform dalam talian mampu kembangkan perniagaan

MELAKA - Menyedari potensi besar platform dalam talian bagi mengembangkan pembiagaan, syarikat Zana Therapy Oil (ZTO), pengasasnya Suzana Abu Talib, 36, tidak melepaskan peluang untuk beralih kepada medium jualan berkenaan menerusi Facebook dan Instagram.

Usahawan bimbingan Program e-Dagang Setempat (PeDAS) itu berkata, PeDAS menjadi pemangkin peralihan platform jualan ZTO selepas beliau didedahkan dengan teknik mengendalikan media sosial bagi mempromosikan produk secara lebih efektif bermula Oktober tahun lalu.

Anak kelahiran Bukit Katil itu berkata, ZTO yang dihasilkan daripada rumusan daun pudina, kayu putih, gelam, itu telah dikeluarkan sejak tiga tahun lepas tetapi hanya dijual secara luar talian iaitu di kedai makan, stesen minyak dan hotel sekitar Melaka.

Selain itu beliau mempunyai ejen di Kuala Lumpur, Johor, Pahang dan Terengganu selain di Zana Spa Muslimah di Kota Fesyen, Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka di sini.

"Memang nampak perbezaan dari segi jualan ZTO selepas kami beralih kepada jualan dalam talian dengan kira-kira 3,500 hingga 5,000 botol berbuli dapat dijual sebulan iaitu pertambahan di antara 2,000 dengan 2,500 botol berbanding sebelum ini."

"Secara dalam talian boleh dikatakan setiap hari ada jualan dan daripada situ pasaran ZTO dapat diluaskan. Kini kita turut menghantar kepada pelanggan di Sabah, Sarawak, Brunei dan Singapura. Jika serta program keusahawanan, 1,500 hingga 3,000 botol berbuli mampu dijual."

"Buat masa ini kita mengeluarkan dua saiz botol ZTO iaitu 30 mililiter (ml) berharga



SUZANA tidak melepaskan peluang untuk beralih kepada platform dalam talian yang mempunyai potensi besar bagi mengembangkan perniagaannya.

RM49 sebotol dan botol berbuli (lapan ml) berharga RM10 sebotol. Selain itu, paket bercubaan iaitu 5 botol berbuli berharga RM50," katanya kepada Bernama di sini, baru-baru ini.

Beliau yang juga menjalankan pembiagaan urutan dan terapi wanita sejak 15 tahun lepas berkata ZTO mampu melegakan sakit kepala, mengurangkan ketegangan sendi, melancarkan pemasasan khususnya kepada penghidap sinus selain membantu menghilangkan rasa mengantuk ketika mermandu, mabuk dan sakit perut dan tekanan.

Suzana berkata bagi menampung permintaan tinggi yang diterima menerusi media sosial, beliau turut mempunyai kakitangan menguruskan jualan dalam talian serta pengesongan dibantu suaminya yang juga seorang

Sentiasa mengemaskini status atau berkongsi testimosi pelanggan atau maklumat berkaitan promosi yang ditawarkan di Facebook dan Instagram Zana Therapy Oil

jurutera, Fazri Efendi, 38, selain sembilan pekerja bagi mengurus pembiagaan ZTO dan spa miliknya.

Beliau berkata antara kunci kejayaan jualan ZTO secara dalam talian ialah sentiasa mengemaskini status atau berkongsi testimosi pelanggan atau maklumat berkaitan promosi yang ditawarkan di Facebook dan Instagram Zana Therapy Oil.

"Memang berbeza rutin jualan selepas beralih pada medium dalam talian. Apa dipelajari menerusi PeDAS, kekerapan mengemas kini media sosial tentang apa sahaja berkaitan ZTO penting untuk menarik perhatian pengguna Facebook dan Instagram selain pelanggan tetap untuk terus menggunakan ZTO," katanya.

Zana berkata pemilihan ZTO sebagai produk usahawan dari Melaka oleh PeDAS membuka lebih banyak peluang untuk memperkuuh pembiagaan minyak terapi itu yang turut digunakan pelanggan yang mendapat perkhidmatan urutan di Zana Spa Muslimah.

Jurulatih urutan itu berkata kelebihan tersebut juga turut membuka peluang untuk mendapatkan pelabur, memasuki lebih banyak program, expo atau festival keusahawanan bertaraf tinggi di dalam dan luar negara

seperti Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Antarabangsa (MAHA) dan Halal Fiesta Malaysia serta bekerjasama dengan ejen pelancongan dan Petronas.

"Berdasarkan pendekatan yang diterima melalui PeDAS dan respons pelanggan, kita juga berhasrat mengeluarkan beberapa bau-bauan baharu seperti oren untuk fokus, serai wangi (kesegaran) dan bunga-bunga untuk mereka yang suka haruman bunga," katanya.

Beliau berkata produk ZTO juga membantu dan membuka peluang pekerjaan kepada individu seperti pelajar universiti dan suri rumah yang ingin mendapat pendapatan tambahan sebagai ejen dan 'runner' bagi memastikan stok di kedai makan dan stesen minyak sentiasa ditambah.

PeDAS, dilaksanakan Kementerian Komunikasi dan Multimedia melalui agensinya Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), adalah inisiatif yang dilaksanakan di seluruh negara melalui 10 Pusat Internet Desa (PID) untuk menggalakkan transformasi digital dalam kalangan pengusaha industri kecil dan sederhana di luar bandar, sejajar dengan perkembangan pesat e-dagang.

Berlandaskan slogan "Satu Klik, Sejuta Peluang", PeDAS kini ditawarkan di PID yang berfungsi sebagai pusat sehenti untuk memberi peluang dan ruang kepada pengusaha IKS mikro menguasai kemahiran dalam perniagaan menerusi e-dagang.



BOBBY

Kerjaya: "Abang Rider"

Nama sebenar: Ahmad Anis Aznan Kamil, 32

Bakat: Memiliki suara soprano, meminati genre klasikal dan penyanyi idola adalah Luciano Pavarotti.



BELLA

Kerjaya: Eksekutif Perhubungan Awam

Nama sebenar: Nabilah Mohammad, 31

Bakat: Berkebolehan menyanyikan lagu irama tradisional Melayu seperti kerongcong, joget, irama rakyat dan lain-lain.



BOY

Kerjaya: Krew Teknikal Audio

Nama sebenar: Mohd Firdaus Mahadzir, 32

Bakat: Bersuara serak-serak basah (husky), gemar menyanyi dan aktiviti lasak. Seorang yang sering melatah dan suka memasak.



JERRY

Kerjaya: Setiausaha Pertahanan Awam

Nama sebenar: Zamari Zakaria, 36

Bakat: Boleh menyanyikan lagu moden dalam rentak tradisional. Suka bergurau dan sering digelar "Pak Lawak".



SOFWANY

Kerjaya: Koperal Pemerhati Udara, PDRM

Nama sebenar: Fairuziha Hazwany Mohamad Yusoff, 31

Bakat: Video nyanyiannya bersama irungan kombo PDRM tular & dikenali sebagai "akak polis cantik" oleh warganet.

10 pemilik 'Suara Viral' berentap!

Mohamed Fazrul Abdul Majid
fazrul.melakakin@gmail.com

SEBUAH program realiti nyanyian terbaru, Suara Viral kini menemui penonton pada setiap hari Rabu, jam 9 malam di saluran Astro Prima.

Program berkoncepkan pertandingan nyanyian itu bakal menampilkan 10 pelantun suara bekerjaya yang pernah tular dalam bidang masing-masing di Malaysia melalui platform media sosial.

Seramai enam peserta lelaki dan empat peserta wanita bakal bersaing di pentas utama Suara Viral selama lapan minggu untuk musim yang pertama.

Program yang dihoskan oleh Datuk AC Mizal dan Marsya Milan itu juga bakal mencipta kelainan tersendiri apabila buat pertama kalinya menampilkan konsep pemarkahan terbaru iaitu berdasarkan sistem pecahan pemarkahan 70 peratus oleh barisan juri profesional di studio dan 30 peratus oleh "Juri Duduk Rumah" iaitu juri maya yang telah dipertanggungjawabkan untuk menilai persembahan para peserta berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan.

Untuk musim pertama, Misha Omar dan Akim Ahmad telah diberi

tanggungjawab sebagai juri tetap dan akan dibantu seorang juri otai istimewa yang dijemput secara bergilir-gilir sebagai juri jemputan setiap minggu.

Manakala, juri duduk rumah pula menampilkan lapan figura berpengaruh industri seni iaitu Idayu, Bob Yusof, Sissy Imann, Sarah Suhairi, Syafiq Farhain, Ngeksai, Niezam Abdullah dan Sudry Tahir.

Setiap minggu, seorang peserta yang memperoleh markah paling rendah akan disingkirkan.

Menurut Pengurus Saluran Astro Prima, Norzeha Mohd Salleh, idea penghasilan program Suara Viral ini tercetus hasil daripada kajian dan pemerhatian yang menunjukkan program-program berkoncepkan realiti dan pertandingan masih menjadi pilihan penonton.

Selain itu, katanya, elemen tular juga kini menjadi antara trend yang diminati ramai hingga membuatkan Astro Prima tertarik untuk menggabungkan dua elemen ini menjadi sebuah program.

"Berdasarkan pengalaman



DATUK AC Mizal

MISHA Omar

AKIM Ahmad

luas Astro sebagai pembekal kandungan utama di Malaysia, kami mendapati penonton cenderung kepada program-program yang berkoncepkan realiti dan pertandingan.

"Dalam pada itu, cukup jelas bahawa trend masa kini mempunyai nilai kebergantungan yang tinggi kepada elemen yang bersifat tular. Kami menyambut baik perkembangan ini kerana ia secara tidak langsung turut mengubah nilai komersial kandungan yang ditawarkan.

"Justeru, kami ingin melakar inisiatif baharu dengan mengangkat bakat yang sebelum ini sekadar tular di platform media sosial dan tular

dalam bidang pekerjaan masing-masing ke skala yang lebih besar di platform televisyen pula.

"Menerusi Suara Viral, para peserta diberi peluang untuk memamerkan bakat dan kreativiti masing-masing yang selama ini mungkin hanya dipertontonkan di alam maya ke alam sebenar," katanya dalam satu kenyataan.

Katanya lagi, Suara Viral juga menjanji kelainan yang segar berbanding program-program sedia ada yang pernah diterbitkan sebelum ini yang mana ia bakal menjadi sebuah lagi testimoni cemerlang untuk saluran Astro Prima dalam menawarkan program-program hi-

buran beraneka format khusus untuk tontonan seisi keluarga.

"Jika mengikut perancangan asal, program "Suara Viral" sepatutnya disiarkan secara langsung. Namun, bagi mematuhi syarat-syarat prosedur operasi standard (SOP) seperti yang ditetapkan oleh pihak berkuasa dalam usaha mengekang wabak Covid-19, program ini hanya akan diteruskan dengan rakaman awal tanpa melibatkan kehadiran penonton di studio.

"Di kesempatan ini, kami juga ingin tegaskan bahawa pihak Astro Prima dan produksi Suara Viral sentiasa mengutamakan keselamatan semua pihak yang terlibat sepanjang penerbitan program ini," ujarnya lagi.

Untuk rekod pemilihan peserta Suara Viral adalah melalui sesi ujianbakat dan saringan tertutup yang teliti bagi mengenal pasti bakat yang benar-benar mampu memberi cabaran sengit, berdasarkan kekuatan vokal, mempunyai kerjaya, keunikian karakter dan identiti serta nilai komersial yang tinggi.

Juara "Suara Viral" akan membawa pulang wang tunai bernilai RM10,000 beserta trofi sumbangan Astro.



AZRUL

Kerjaya: Pegawai Lalu Lintas Pembinaan

Nama: Mohd Azrul Bohari, 38

Bakat: Pernah terlibat dalam koir Hazami untuk album Nyata dan sangat menggemari lagu-lagu rakyat.



FARID

Kerjaya: Jurutera Mekanikal
Nama sebenar: Farid Othman, 30

Bakat: Graduan kejuruteraan serta fasih berbahasa Perancis, boleh bermain alat muzik seperti gitar dan seksafon.



SULASTRIE

Kerjaya: Koperal French Horn PDRM

Nama sebenar: Dian Sulastrie Abdul Fattah, 39

Bakat: Boleh menyanyi dalam pelbagai bahasa seperti Mandarin, Tagalog, Thailand dan Hindustan.



AMEEM

Kerjaya: Eksekutif Pemasaran Agensi Pelancongan

Nama sebenar: Abdul Hamid Haji Sulaiman, 32

Bakat: Meminati muzik sejak dari kecil dan mempunyai ijazah Muzik dalam bidang vokal dari Universiti Malaya (UM).



FARAH

Kerjaya: Lans Koperal Angkatan Tentera Malaysia

Nama sebenar: Farah Noorasilin Abdul Rahim, 32

Bakat: Penyanyi sepenuh masa dan berbakat dalam bidang tarian seperti Mak Yong dan tarian tradisional yang lain.

Sekolah dibuka 24 Jun, libat pelajar peperiksaan awam, antarabangsa

PUTRAJAYA - Semua sekolah di seluruh negara akan dibuka semula mulai 24 Jun ini namun hanya melibatkan pelajar yang akan menduduki peperiksaan awam dan antarabangsa yang setara pada tahun ini, kata Menteri Kanan (Pendidikan) Dr Mohd Radzi Md Jidin.

Beliau berkata, ini membabitkan pelajar yang akan menduduki Sijil Pelajaran Ma-laysia (SPM), Sijil Vokasional Malaysia (SVM), Sijil Tinggi Persekolahan Ma-laysia (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan peperiksaan antarabangsa.

Katanya, Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah telah diedarkan ke sekolah-sekolah pada 4 Jun lepas sebagai panduan agar persiapan rapi dapat dibuat sebelum sesi persekolahan bersambung kembali.

Katanya ibu bapa dan penjaga harus memastikan kesihatan anak masing-masing sebelum menghantar mereka ke sekolah.

"Selain murid, pemeriksaan suhu badan juga dibuat terhadap guru, warga sekolah dan individu yang mempunyai urusan dengan pihak

Meja di dalam kelas perlu disusun berselang satu meter dengan kapasiti maksimum untuk sesebuah kelas selepas mengambil kira jarak sosial tidak melebihi 20 pelajar

Pembukaan semula sekolah pada 24 Jun ini melibatkan 500,444 pelajar kelas peperiksaan di 2,440 sekolah di seluruh negara

sekolah. Jika suhu badan melebihi 37.5 darjah Celcius atau bergejala, (mereka) tidak dibenarkan memasuki kawasan sekolah," katanya.

Bercakap pada sidang media khas perkembangan pembukaan sekolah di sini, Mohd Radzi menjelaskan meja di dalam kelas perlu disusun berselang satu meter dengan kapasiti maksimum untuk sesebuah kelas selepas mengambil kira jarak sosial tidak melebihi 20 pelajar.

B a g a i m a n a p u n katanya kapasiti lebih tinggi dibenarkan untuk ruang yang lebih besar seperti dewan sekolah.

"Waktu rehat adalah secara berperingkat dengan makanan dan minuman akan siap dibungkus dan murid akan makan di dalam

kelas masing-masing di bawah pengawasan guru," katanya.

Menteri Kanan itu juga menggalakkan ibu bapa atau penjaga menyediakan bekalan makanan untuk anak masing-masing.

Aktiviti di luar bilik darjah seperti sukan dan kurikulum secara bersemuka serta perhimpunan sekolah tidak dilaksanakan sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak, katanya.

Bagi sekolah berasrama, hanya pelajar kelas peperiksaan awam yang akan kembali ke asrama.

"Katil-katil disusun pada jarak satu meter dan bilangan katil bagi setiap bilik adalah bergantung pada keluasan bilik dan penggiliran waktu makan akan dilaksanakan mengikut bilangan pelajar," katanya.

Beliau berkata garis panduan itu akan ditambah baik dari semasa ke semasa berdasarkan nasihat Kementerian Kesihatan (KKM) mengikut keperluan dan kesesuaian.

Pembukaan semula sekolah pada 24 Jun ini melibatkan 500,444 pelajar kelas peperiksaan di 2,440 sekolah di seluruh negara.



MOHD Hatta (kiri) menerima sumbangan 'contactless Thermometer' daripada pihak KPMMB.

PMM laksana sesi pengajian norma baru

Liana Sahabudin
liyan90@gmail.com

MERLIMA - Politeknik Merlimau Melaka (PMM) sedang membuat persiapan bagi menghadapi pembelajaran norma baru yang akan bermula Ogos ini.

Pengarah PMM, Mohd Hatta Zainal berkata, usaha itu bagi mengikut saranan Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) Kementerian Pengajian Tinggi.

"Persiapan ini bukan sahaja melibatkan proses pembelajaran dan pengajaran bagi pelajar, malah warga kerja yang hadir bekerja setiap hari.

"Baru-baru ini pihak Koperasi Politeknik Merlimau Melaka Berhad (KPMMB) menyumbangkan sebanyak 10 alat 'contactless thermometer' kepada PMM.

"Alat ini penting digunakan sebagai alat saringan suhu badan kepada setiap warga kerja yang hadir," katanya kepada Melaka Hari Ini (MHI).



RAHA (tengah) menyampaikan penghargaan kepada Polis Bantuan UTeM yang bertugas semasa Aidilfitri ini.

DURIAN TUNGGAL - Sebahagian kakitangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus berkhidmat semasa sambutan Aidilfitri dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang berakhir pada 9 Jun.

Naib Canselor UTeM, Prof Datuk Wira Dr Raha Abdul Rahim berkata, antara Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang bertugas adalah pasukan Polis Bantuan UTeM.

Katanya, mereka terus berperanan dalam memastikan aspek kawalan keselamatan dan kesejahteraan kedua-dua kampus UTeM sentiasa dalam keadaan baik dan terkawal.

"Pasukan Polis Bantuan UTeM memantau dan mengawal seluruh fasiliti berterusan 24 jam sepanjang Hari Raya Aidilfitri di Kampus Induk UTeM dan Kampus Teknologi UTeM di Taman Tasik Utama.

"Antara cabaran kali ini adalah mereka perlu mengawal laluan masuk dan keluar di kedua-dua kampus dalam keadaan bebas

Sebahagian pelajar hanya mengikuti pengajian secara dalam talian sepenuh masa iaitu bagi pelajar Semester 2 dan 3

Jelasnya, semua Jabatan Akademik dan Unit sedang membuat persiapan bagi menghadapi semester baharu yang akan bermula dua bulan lagi.

"Antaranya susun atur bilik kuliah yang membolehkan hanya 50 peratus saja pelajar dalam satu-satu masa, penjarakan sosial, penyediaan cecair sanitasi tangan dan pelbagai lagi langkah yang diambil.

"Sebahagian pelajar hanya mengikuti pengajian secara dalam talian sepenuh masa iaitu bagi pelajar Semester 2 dan 3.

"Manakala pelajar Semester 1, 4 dan 5 akan berada di kampus dengan kaedah pembelajaran secara atas talian dan bersemuka bagi aktiviti di bengkel, makmal dan studio," katanya lagi.

Staf UTeM teruskan tugas di Aidilfitri



GAMBAR hiasan

daripada Covid-19.

"Selain itu terdapat juga penguatkuasaan sistem eTAP UTeM yang memantau kehadiran staf berteraskan Internet of Things (IoT)," katanya.

Ujarnya, antara PTJ lain yang bertugas adalah di bawah naungan Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) terdiri dalam kalangan pengetua dan felo kolej kediaman.

"Mereka perlu memastikan pengurusan pelajar yang menginap di asrama pada musim perayaan ini sentiasa berada dalam keadaan baik dan terkawal."



Setinggi-tinggi Tahniah

Kepada



**Tuan Yang Terutama
Tun Datuk Seri (Dr.) Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam**

S.M.N., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.

Di atas pelantikan sebagai

Yang di-Pertua Negeri Melaka Ke-7

Setulus Ikhlas daripada



SWISS-GARDEN
HOTEL | MELAKA



THE SHORE
HOTEL & RESIDENCES

Malaysia succeeds in containing Covid-19, thanks to efforts of all - Muhyiddin

PUTRAJAYA - Malaysia has effectively curbed the spread of Covid-19 and is now entering the recovery phase due to the hard work of frontliners and cooperation of the people in abiding by the directives issued, said Tan Sri Muhyiddin Yassin.

The prime minister said apart from this, the country's medical and public health capacity had reached a more convincing level, thus showing that Malaysia has effectively contained the spread of the deadly coronavirus.


"The Health Ministry's statistics show that the infection rate among locals has continued to drop and is under

control. Most of the cases detected recently were imported ones and those involving illegal immigrants at immigration detention depots.

"We are thankful that the fast action of frontliners has succeeded in curbing the spread of Covid-19 among inmates at immigration depots and that the situation is now under control," he said recently.

In a special address aired over national television, Muhyiddin announced that the Conditional Movement Control Order (CMCO) would be replaced by the Recovery Movement Control Order (RMCO) from June 10 to Aug 31, which will see further easing of restrictions.

On May 1, Muhyiddin announced the implementation of the CMCO to override the Movement Control Order (MCO) which had been enforced since March 18 to curb the spread of COVID-19 in the country.



The CMCO, first implemented from May 4 to 12, allowed several sectors of the economy to resume operations, subject to the standard operating procedures (SOP) set by the Health Ministry (MOH).

The CMCO was subsequently extended by four weeks to June 9.

Muhyiddin expressed the hope that the people would continue to be disciplined and steadfast in abiding by the regulations set to ensure that the situation would remain under control, so that Malaysia can enter the normalisation phase after Aug 31, 2020 until a vaccine is found for Covid-19.

"However, I would like to remind the people that if there is a spike in positive Covid-19 cases during this period, the government will not hesitate to implement the Enhanced Movement Control Order or EMCO in the affected area or locality," he said.

Muhyiddin urged the people to download the MySejahtera app which was developed by the government to enable them to practise self-assessment on health during the RMCO period.

The app would also allow the MOH to take fast, precise and effective action to identify and inform close contacts when Covid-19 infections were detected in the

However, I would like to remind the people that if there is a spike in positive Covid-19 cases during this period, the government will not hesitate to implement the Enhanced Movement Control Order or EMCO in the affected area or locality,

community, he said.

"It is important for all of us to be prepared to make the new normal as part of the culture in our lives. Yes, sometimes we feel it's a bit difficult to be practised, but believe me, every difficulty will be followed by comfort," he added.

Muhyiddin also expressed his appreciation to the frontliners and the people for contributing to the country's success in containing the Covid-19 pandemic.

"This success is the success of everyone. You have given good cooperation to the authorities by adhering to the SOP throughout the implementation of the MCO and CMCO," he said. - BERNAMA

Take advantage of tax exemption to revive tourism industry - CM

ALOR GAJAH - Tourism industry players in the state should take full advantage of the tourism tax exemption beginning this July, to revive domestic business and tourism activities severely affected by the Covid-19 outbreak, says Chief Minister Datuk Haji Sulaiman Md Ali.

He welcomed the initiative under the National Economic Recovery Plan

(PENJANA), especially for Melaka, as the tourism sector was one of the biggest contributors to the state's Gross Domestic Product (GDP).

"I have previously met with travel agencies in the state and during the meeting, they requested tax cuts be considered to help those affected by the current situation.

"As such, we welcome the full tax exemption to be given, and hope that all industry players will study and understand the initiative so that none of them are left out of the effort to revitalise the state's economy," he told reporters after visiting the Masjid Tanah Market here.

Recently, Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin when announcing PENJANA said the tourism tax would be fully exempted from this July to June 30 next year, as part of efforts to re-

vive the country's tourism industry.

The media previously reported that three hotels in the state had announced they were shutting operations following the Covid-19 outbreak.

In another development, Sulaiman said the state government would study the employment requirements of foreign workers in various sectors in the state so as not to affect employment opportunities for locals.

He said this was to en-


sure that the vacancies left by foreign workers could be filled by locals, and that the industries involved were not affected or stunted.

"This will be explored with the Local Authorities and other agencies in terms of the number of foreign workers and the need for them in the sectors involved. Most importantly, we will follow the decision made at the central level, especially on foreign workers' issues," he said.

Elaborating, Sulaiman said the review did not mean

denying the contribution of foreign workers to the development of the state, especially in the construction and industrial sectors, but ensuring that the sectors involved were not monopolised by them.

"Most of these sectors involve 3D 'Dirty-Dangerous-Difficult' jobs which are less popular among locals," he said when asked to comment on the state government's stand on the issue of recruiting foreign workers in the state.



MUSA sedia langkah proaktif selesai kemelut

Mohamad Fazrul Abdul Majid
fazrul.melakakini@gmail.com

PERSATUAN Bola Sepak Melaka United (MUSA) sudah memulakan langkah-langkah awal untuk menyelesaikan segala kemelut dalaman yang berlaku dalam pasukan.

Timbalan Presidennya, Datuk Wira Mohd Yusoff Mahadi memberitahu, antara yang sedang diusahakan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP) ialah membabitkan masalah gaji pemain dan pengurusan yang mana pihaknya yakin segala masalah yang berlaku dapat diselesaikan secara baik demi mengembalikan pasukan ke landasan yang tepat.

Jelasnya, perkara berkenaan turut dibincangkan oleh Presiden MUSA, Datuk Haji Sulaiman Md Ali bersama Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), Datuk Hamidin Mohd Amin melalui satu perjumpaan yang berlangsung di Seri Negeri, Ayer Keroh baru-baru ini.

"Saya yakin, jika tiada sebarang masalah sepanjang tempoh PKPP ini, saingan Liga Malaysia akan disambung semula pada awal September depan."

"Melalui perjumpaan berkenaan, banyak perkara positif dapat dilihat apabila kedua-dua pihak saling bertukar-tukar pandangan dan idea mengenai perkembangan bola sepak, selain membincangkan mengenai langkah terbaik menyelesaikan masalah."

"Jadi, saya percaya pada fasa permulaan ini, langkah-langkah awal untuk memperbaiki kewangan pasukan telah pun dilakukan dan akan bertambah baik secara berperingkat di masa akan datang."

"Saya juga melihat sesuatu yang positif sedang berlaku di bawah kepimpinan Presiden baharu dan jika tiada aral berkemungkinan besar Melaka United bakal berwajah baharu tahun hadapan," katanya yang juga merupakan Timbalan Presiden FAM.

Dalam perkembangan lain, Mohd Yusoff menzahirkan harapan agar pemain-pemain Melaka

United dapat bersedia mental dan fizikal sebelum saingan Liga Malaysia kembali bersambung sedikit masa lagi.

Memandangkan kebenaran telah diberikan untuk sesi latihan bola sepak disambung semula selepas tiga bulan, beliau berharap pemain dapat mempraktikkan normal baharu dalam latihan dan mematuhi segala prosedur operasi standard (sop) yang ditetapkan.

"Untuk permulaan, hanya latihan tanpa sentuhan dibenarkan, tetapi saya yakin lebih kelonggaran akan diberikan jika tiada masalah. Jadi saya harap pemain dapat fokus kepada sesi latihan dan mengikuti segala SOP yang ditetapkan."

"Saya yakin, jika tiada sebarang masalah sepanjang tempoh PKPP ini, saingan Liga Malaysia akan disambung semula pada awal September depan," ujarnya.



FAM bakal menyediakan SOP khusus untuk skuad kebangsaan kembali menjalani latihan bermula 15 Jun ini. (KREDIT FOTO: FAM)

FAM sedia SOP khusus latihan skuad kebangsaan

PERSATUAN Bola Sepak Malaysia (FAM) bakal menyediakan prosedur operasi standard (SOP) khusus bagi skuad kebangsaan kembali menjalani latihan bermula 15 Jun ini.

Setiausaha Agung FAM, Stuart Ramalingam berkata, SOP berkenaan akan diperhalusi bersama pengendali Harimau Malaya dan skuad Bahaw 19 Tahun (B-19) kebangsaan, sebagai langkah awal untuk menghadapi saingan-saingan besar yang menanti pada Oktober dan November depan.

"FAM yang sudah pun mempunyai SOP bagi latihan pasukan-pasukan kebangsaan akan mengadakan perbincangan dalaman untuk penentuan langkah seterusnya bagi menggerakkan perancangan memanggil pemain-pemain ke kem latihan pusat skuad kebangsaan kendalian Tan Cheng Hoe bagi persiapan menghadapi perlawan Kelayakan Piala Dunia 2022/Piala Asia 2023 yang dijadual pada Oktober dan November 2020 serta kem latihan pusat skuad B-19 kebangsaan kendalian Brad Malone bagi menghadapi pusingan akhir Kejuaraan B-19 AFC 2020 di Uzbekistan, Oktober ini."

"Ia akan disusuli dengan SOP bagi kem latihan pusat dengan pendekatan secara kuarantin (quarantine based approach centralized camp) yang akan dihantar kepada Kementerian Belia dan Sukan (KBS)

dalam masa terdekat ini berpaduan SOP Sektor Sukan & Rekreksi Fasa 2 yang dikeluarkan KBS," katanya dalam satu kenyataan.

Mengulas mengenai saingan Liga Malaysia, Stuart berkata, SOP latihan untuk pasukan-pasukan Liga Super dan Liga Premier akan diuruskan oleh badan pengendali liga, Malaysian Football League (MFL).

"MFL akan mengeluarkan SOP kembali ke latihan dan juga akan menghubungi pasukan-pasukan berkenaan dalam masa terdekat ini bagi memberi penerangan terhadap SOP yang telah disediakan bagi memastikan perlaksanaan sejajar dapat dipastikan."

"Bagi akademi-akademi bola sepak khususnya yang terlibat dengan program pembangunan di peringkat akar umbi, SOP kembali ke latihan sudah disediakan oleh FAM dan akan dikongsikan kepada pihak yang berkenaan dalam tempoh terdekat ini selepas kandunganya diselaraskan dengan garis panduan baharu Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi memastikan kelancaran operasinya apabila kebenaran diberikan kerajaan bermula 15 Jun 2020," ujarnya lagi.

Dalam pada itu, Stuart berkata, pihaknya juga akan menyediakan satu garis panduan cadangan bagi aktiviti bola sepak secara sosial dan riadah.



HAMIDIN (kanan) mengadakan kunjungan hormat ke pejabat Sulaiman yang juga merupakan Presiden MUSA.

Mohd Khalil 'tulang belakang' kebangkitan MU

PERSATUAN Bola Sepak Melaka United (MUSA) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas jasa dan bakti yang dicurahkan Yang di-Pertua Negeri Melaka Ke-6, Tun Dr Mohd Khalil Yaakob sepanjang membantu perjalanan pasukan.

Timbalan Presidennya, Datuk Wira Mohd Yusoff Mahadi berkata sumbangan yang diberikan Mohd Khalil kepada Melaka United amatlah besar, bukan sahaja menjadi peminat nombor satu pasukan, malah beliaulah yang menjadi tulang belakang kebangkitan skuad Hijau Putih di era kejatuhan dahulu.

"Individu yang paling banyak mencurahkan idea, menyokong dan mendukung pasukan Melaka United di awal kemunculannya ialah Tun Mohd Khalil sendiri. Daripada pasukan berada di liga bawah, hingga ke tahap tertinggi yang ada sekarang, Tun Mohd Khalil sentiasa berada di belakang pasukan."

"Melaka United tidak akan berada di tahap yang dihormati sekarang tanpa jasa Tun Mohd Khalil. Jadi, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbanyak-

banyak terima kasih kepada Tun Mohd Khalil. Segal budi dan jasa Tun akan terus terpahat dalam kejayaan Melaka United," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini.

Dalam pada itu, Mohd Yusoff turut merakamkan ucapan tahniah kepada Tun Datuk Seri (Dr) Haji Mohd Ali Mohd Rustam yang dilantik sebagai Yang di-Pertua Negeri Melaka Ke-7.

Menurutnya, pelantikan itu merupakan satu khabar gembira buat seluruh rakyat negeri Melaka apabila julung kalinya anak jati negeri dilantik menjadi pemimpin tertinggi negeri.

Pada masa sama, beliau turut mengharapkan Mohd Ali dapat meneruskan legasi kegemilangan bola sepak Melaka, seperti yang pernah dilakukan Mohd Khalil, bahkan memacu pasukan ke tahap yang lebih tinggi di masa akan datang.

"Saya sangat berharap Tun Mohd Ali yang juga anak jati Melaka dapat menambah baik lagi pasukan ke tahap yang lebih tinggi memandangkan kita tahu bola sepak merupakan sukan nombor satu di kalangan rakyat Melaka," katanya lagi.



MOHD Khalil dikenali sebagai peminat setia Melaka United dan pernah beberapa kali menyaksikan perlawan pasukan di stadium. (FOTO: MUSA)

Sukan

MELAKA HARIINI

MUSA SEDIA LANGKAH PROAKTIF SELESAI KEMELUT

PERSATUAN

Bola Sepak Melaka United (MUSA) sudah memulakan langkah-langkah awal untuk menyelesaikan segala kemelut dalaman yang berlaku dalam pasukan.



Muka 23

TERIMA KASIH TUN MOHD KHALIL

JASA peminat nombor satu Melaka United tetap dikenang.

Muka 23



SOP KHUSUS BAGI SKUAD KEBANGSAAN

PERSATUAN Bola Sepak Malaysia (FAM) bakal menyediakan prosedur operasi standard (SOP) khusus bagi skuad kebangsaan kembali menjalani latihan bermula 15 Jun ini. Muka 23